

10

**Kementerian Pembangunan
Kerajaan Tempatan
Kementerian Dalam Negeri**

– Pengurusan Program Bandar Selamat

PENGURUSAN PROGRAM BANDAR SELAMAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI



RUMUSAN AUDIT

"Prestasi program dalam tempoh 2018 hingga 2022 berjaya mencapai sasaran bilangan PBT dan kawasan yang hendak diputihkan. Bagaimanapun, program yang dijalankan tidak dapat membantu mengurangkan jenayah di kawasan *blackspot* secara optimum".

PENCAPAIAN OUTPUT

Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot*

Tahun 2018 – 2020:

81 kawasan di 70 PBT

Tahun 2022:

28 kawasan (120%) di 24 PBT

Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS)

6 fasa pembangunan -
147 PBT dan 829 balai polis

Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV)

3 fasa sewaan - 1,464
unit CCTV di 46 PBT
dan 48 IPK



PENCAPAIAN KEBERHASILAN

Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot*

Penurunan kadar jenayah antara 1-161 kes di kawasan *blackspot*

Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS)

Objektif pembangunan SBPS tidak tercapai kerana sistem tidak dapat diakses sejak tahun 2019

Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV)

- **Imej CCTV kurang jelas/kabur** kerana kamera jenis analog
- **7 PBT lewat mendapat manfaat CCTV** kerana dinaik taraf setelah model dihentikan pengeluaran

PENGURUSAN PROGRAM

KERJA

RM32,209

- ❑ Pembayaran penuh bagi bekalan yang tidak diterima

RM0.86 Juta

- ❑ Kerja tidak mengikut CPTED

RM15,900

- ❑ Pelarasan harga tidak dilakukan

RM43,500

- ❑ Lampu tidak guna sejak tahun 2020

RM122,500

- ❑ Aset program dilupuskan

Pertindihan pemasangan lampu

Penyenggaraan tidak dibuat sewajarnya

PERUNTUKAN

RM84,500

- ❑ Perolehan alat ganti guna peruntukan PBS

RM1.82 Juta

- ❑ Lebihan peruntukan tidak habis dibelanjakan

RM1 Juta

- ❑ Peruntukan tidak digunakan bagi pelaksanaan Kajian Keberkesanan Program

TADBIR URUS

- ❑ Nilai ambang **tidak ditetapkan** sebagai rujukan dalam penentuan kadar jenayah indeks yang tinggi

CCTV

- ❑ Kerosakan CCTV Fasa 1 (Sambungan) antara **1 – 547 hari**

- ❑ Peralatan CCTV tamat tempoh sewaan **tidak dikeluarkan** oleh kontraktor

RM25,945.92

- ❑ Potongan bayaran sewaan CCTV tidak dibuat

SYOR
AUDIT

4

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN
TEMPATAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
PENGURUSAN PROGRAM BANDAR SELAMAT**

Perkara Utama

**Apa yang
diaudit?**

- Program Bandar Selamat (PBS) merupakan satu program langkah pencegahan jenayah dalam memastikan kadar jenayah di sesebuah kawasan dapat dikurangkan dan membolehkan penduduk di kawasan tersebut hidup dalam keadaan yang selesa dan selamat.
- PBS dibiayai oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan pelaksanaannya diselaraskan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia). Program ini diletakkan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mengurangkan Jenayah di bawah Program Transformasi Kerajaan.
- Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut terlibat dalam program ini dengan memberi input taburan jenayah melalui data yang diperoleh daripada Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS). Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah agensi pelaksana program di peringkat negeri.
- Pengauditan tertumpu kepada tiga inisiatif yang dilaksanakan di bawah PBS meliputi Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot*; pembangunan SPBS; dan pencegahan melalui Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022.
- Prestasi program dinilai berdasarkan kepada dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian tahap keberhasilan. Pengurusan program pula meliputi empat perkara iaitu peruntukan dan perbelanjaan kewangan, tadbir urus program, pengurusan projek fizikal dan pengurusan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV).

**Mengapa ia
penting
untuk
diaudit?**

- Sejumlah RM47.22 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot* bagi tempoh 2018 hingga 2022, melibatkan 109 kawasan di 45 PBT meliputi 14 negeri.

- Sejumlah RM49.46 juta telah dibelanjakan bagi tujuan pembangunan dan penyenggaraan SPBS yang diguna pakai oleh 147 PBT dan 829 balai polis.
- Nilai kontrak sewaan CCTV secara berfasa berjumlah RM172.69 juta bagi tempoh tahun 2010 hingga 2022, melibatkan pemasangan 1,464 unit CCTV di 46 PBT.

Rumusan Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa prestasi PBS dalam tempoh 2018 hingga 2022 berjaya mencapai sasaran bilangan PBT dan kawasan yang hendak diputihkan. Bagaimanapun, program yang dijalankan tidak dapat membantu mengurangkan jenayah di kawasan *blackspot* secara optimum. Bagi memastikan pengurangan kadar jenayah adalah pada tahap optimum, kelemahan dalam aspek pengurusan program perlu ditambah baik.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
1.	Sembilan (34.6%) daripada 26 kawasan masih menunjukkan peningkatan kadar jenayah antara dua hingga 41 kes.	Tidak membantu mengurangkan jenayah secara optimum.	Memastikan elemen projek fizikal yang bersesuaian untuk dilaksanakan oleh PBT agar pelaksanaannya dapat dimanfaatkan oleh orang awam dengan sewajarnya dan mengelakkan kerugian atas perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan
2.	SPBS tidak dapat diakses oleh PBT sejak 19 Januari 2019 iaitu selepas tiga tahun selesai dibangunkan pada 5 Disember 2016.	Objektif pembangunan SPBS tidak tercapai disebabkan kemampuan SPBS yang terhad. Selain itu, Portal iSelamat tidak dibuka untuk diakses oleh orang awam.	Memastikan penggunaan SPBS yang optimum selepas ia dinaik taraf agar selari dengan objektif pembangunan sistem bagi memastikan perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan adalah <i>value for money</i> .
3.	Kontrak CCTV Fasa 1 dan Fasa 1 (Sambungan) menggunakan teknologi yang sama iaitu kamera jenis analog untuk tempoh selama 10 tahun.	Imej yang dipaparkan tidak jelas dan kabur; pemasangan CCTV di tujuh PBT telah dinaik taraf kerana model WV-CW590 telah dihentikan pengeluarannya oleh pembekal.	Memastikan penggunaan CCTV yang berimej tinggi pada masa akan datang yang boleh diguna pakai oleh PDRM dan PBT untuk mengesan penjenayah dengan lebih berkesan.
4.	Sebanyak 24 PBT (77.4%) masih mempunyai baki peruntukan PBS berjumlah	Lebihan peruntukan yang tidak dibelanjakan secara optimum oleh PBT	

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
	RM1.50 juta dan tidak mengemukakan cadangan tambahan pelaksanaan elemen projek fizikal PBS.	menyebabkan manfaat program tidak dapat diperluaskan di kawasan <i>hotspot</i> yang lebih berpotensi.	Memastikan elemen projek fizikal yang bersesuaian dilaksanakan.
5.	Pembayaran penuh berjumlah RM32,209 di Majlis Bandaraya Ipoh dibuat sepenuhnya bagi bekalan yang tidak diterima.	Pembayaran yang dibuat tidak teratur kerana bekalan/perkhidmatan yang tidak diterima.	
6.	Pelarasan harga tidak dibuat oleh Majlis Perbandaran Jasin dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, mengakibatkan pembayaran berjumlah RM15,900 tidak teratur.		
7.	Notis bertulis keputusan penilaian oleh Pegawai Penguasa tidak dikeluarkan kepada kontraktor dan tiada bukti bahawa permohonan pengecualian ini ada dikemukakan kepada Pegawai Penguasa untuk pertimbangan dan kelulusan.		
8.	Nilai ambang tidak ditetapkan sebagai rujukan dalam penentuan kadar jenayah indeks yang tinggi.	Ketiadaan penetapan nilai ambang jenayah indeks semasa peringkat tawaran menyebabkan peruntukan tidak diagihkan sama rata terutamanya kepada PBT yang mempunyai kadar jenayah indeks yang lebih tinggi.	
9.	Projek fizikal yang dilaksanakan rosak, tiada di lokasi dan terdapat halangan.	Kelemahan ini boleh mengurangkan keberkesanan elemen pencegahan jenayah yang dilaksanakan dalam mengurangkan kadar jenayah secara optimum.	Memberikan tumpuan dalam aspek penyenggaraan elemen projek fizikal yang dilaksanakan oleh PBT dengan menyatakan kaedah penyenggaraan yang praktikal agar manfaat program boleh dinikmati dan dimanfaatkan dengan berpanjangan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

1. PENGURUSAN PROGRAM BANDAR SELAMAT

FAKTA UTAMA

RM47.22 Juta	RM49.46 Juta	RM172.69 Juta
<ul style="list-style-type: none"> Perbelanjaan Inisiatif Pemutihan Kawasan <i>Blackspot</i> bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022 Melibatkan 109 kawasan di 45 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) meliputi 14 negeri 	<ul style="list-style-type: none"> Kos pembangunan dan penyenggaraan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) setakat tahun 2022 Melibatkan 147 PBT dan 829 balai polis 	<ul style="list-style-type: none"> Nilai kontrak sewaan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) secara berfasa bagi tempoh tahun 2010 hingga 2022 Melibatkan pemasangan 1,464 unit CCTV di 46 PBT
Program Bandar Selamat	Langkah pencegahan jenayah dalam memastikan kadar jenayah sesebuah kawasan dapat dikurangkan untuk membolehkan penduduk hidup selesa dan selamat	
KDN	Menyediakan peruntukan Program Bandar Selamat	
KPKT Melalui PLANMalaysia	Urus setia Program Bandar Selamat	
Kawasan <i>Blackspot</i>	<ul style="list-style-type: none"> Kawasan yang mempunyai kadar jenayah dan <i>Fear of Crime</i> yang tinggi Ditentukan oleh PBT dengan persetujuan PDRM yang dibentangkan dan diperakui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Cadangan Kawasan <i>Blackspot</i> 	
Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS)	Sistem yang mengandungi pemetaan jenayah dan diintegrasikan dengan <i>Police Reporting System</i>	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Sejalan dengan pembangunan komuniti yang lebih selamat dan aman, Program Bandar Selamat (PBS) diperkenalkan pada tahun 2004 melalui Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan memperkenalkan 23 langkah Bandar Selamat. PBS merupakan langkah pencegahan jenayah dalam memastikan kadar jenayah sesebuah kawasan dapat dikurangkan untuk membolehkan penduduk hidup selesa dan selamat.

1.2. Di bawah Program Transformasi Kerajaan pada tahun 2010, PBS menjadi salah satu inisiatif menerusi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mengurangkan Jenayah yang diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
PROGRAM BANDAR SELAMAT DI BAWAH NKRA MENGURANGKAN JENAYAH

Pencegahan Jenayah	Pengesanan Jenayah dan Penangkapan	Pendakwaan Terhadap Penjenayah	Penjara dan Pemulihan
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kempen kesedaran dan pencegahan jenayah ▪ Program Bandar Selamat 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Operasi Nasional seperti Ops Layang, Ops Rentap, Ops Pintu ▪ Program kehadiran di mana-mana (omnipresence) ▪ Pemasangan CCTV 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penambahbaikan IO:IP ▪ Penyelesaian kes jenayah kekerasan tertunggak ▪ Pengurusan saksi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tambah baik penjara ▪ Naik taraf Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik ▪ Program pengawasan banduan sebelum dan selepas bebas

Sumber: Laporan Tahunan 2010 Program Transformasi Kerajaan

1.3. Dalam masa yang sama, tiga strategi utama dan 15 langkah Bandar Selamat telah diperkenalkan semula seperti dalam **Rajah 2**.

RAJAH 2
STRATEGI UTAMA DAN LANGKAH BANDAR SELAMAT

STRATEGI 1	STRATEGI 2			STRATEGI 3
Mereka Bentuk Persekitaran Fizikal	Memperkasakan Kawasan Sasaran			Pengurusan, Penyertaan & Kesedaran Komuniti
<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor 2. Pengasingan reka bentuk persekitaran fizikal yang selamat 3. Pemetaan GIS Jenayah 	<ol style="list-style-type: none"> 4. Penyediaan balai polis tetap atau bergerak 5. Penyediaan cermin keselamatan 6. Penyediaan papan tanda peringatan jenayah 	<ol style="list-style-type: none"> 7. Penyediaan penggera keselamatan 8. Penyediaan tempat letak motosikal berkunci 9. Pemasangan CCTV di premis perniagaan & tempat awam 	<ol style="list-style-type: none"> 10. Pencahayaan 11. Laluan awam tidak terlindung dari pandangan awam 12. Penjanaan aktiviti di kawasan terdedah dengan jenayah 	<ol style="list-style-type: none"> 13. Pendidikan, kesedaran awam dan publisiti 14. Meningkatkan rondaan di kawasan perumahan 15. Agenda tetap bulanan Mesyuarat Majlis Penuh PBT

Sumber: PLANMalaysia

1.4. Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), pelaksanaan PBS menyokong kepada dasar dan strategi di bawah tema kedua iaitu usaha memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti. Tumpuan komponen Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) adalah kepada SDG 11 iaitu Bandar dan Komuniti yang Mampan.

1.5. PBS dibiayai oleh KDN dan pelaksanaannya diselaraskan oleh KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia). Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut terlibat dalam memberi input taburan pemetaan jenayah melalui data yang dijana daripada

Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS). Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula merupakan agensi pelaksana di peringkat negeri.

1.6. Di peringkat PLANMalaysia, pemilihan PBT untuk pelaksanaan PBS diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian Cadangan Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot*. Pemantauan terhadap PBT pula dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Pemantauan serta Laporan Prestasi Pelaksanaan Fizikal dan Kewangan yang perlu dikemukakan setiap bulan. Selain itu, tiga inisiatif utama PBS yang dijalankan setakat tahun 2022 adalah Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot* serta pencegahan jenayah melalui pembangunan SPBS dan pemasangan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) seperti dalam **Rajah 3**.

RAJAH 3 INISIATIF UTAMA DI BAWAH PROGRAM BANDAR SELAMAT TAHUN 2010 HINGGA 2013



Sumber: Ilustrasi oleh Jabatan Audit Negara

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Program Bandar Selamat telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu mengurangkan kadar jenayah.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022. Prestasi program dinilai merangkumi pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output dinilai berdasarkan prestasi pencapaian kawasan yang diputihkan di bawah Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot*; pembangunan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS); dan pencegahan melalui Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV). Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan pengurangan kadar jenayah dan *Fear of Crime*; keberhasilan SPBS; dan keberhasilan CCTV. Pengurusan program dinilai merangkumi peruntukan dan perbelanjaan kewangan; tadbir urus program; pengurusan projek fizikal; dan pengurusan CCTV.

3.2. Pengauditan dijalankan di KDN, KPKT dan PDRM. Untuk menilai aspek pengurusan, pemilihan sampel negeri adalah berasaskan penerima peruntukan tertinggi bagi tempoh pengauditan, di samping mempunyai kadar Jenayah Indeks tertinggi antara negeri lain dalam zon yang sama. PBT yang dipilih pula merupakan PBT yang menerima peruntukan tertinggi dalam tempoh tahun 2018 hingga 2022. Berdasarkan kriteria tersebut, sampel negeri dipilih adalah Selangor, Johor, Sabah, Perak dan Melaka melibatkan 11 PBT. Namun, negeri Melaka dipilih kerana PBT di negeri tersebut menerima peruntukan dalam tempoh yang diaudit walaupun kadar Jenayah Indeks adalah rendah. Senarai penuh Auditi yang terlibat seperti dalam **Jadual 1** dan **Rajah 4**.


JADUAL 1
SAMPEL NEGERI DAN PBT BERDASARKAN
PERUNTUKAN DISALURKAN DAN KEDUDUKAN JENAYAH INDEKS

NEGERI	BILANGAN KAWASAN	PBT	PERUNTUKAN DISALURKAN (RM Juta)					JENAYAH INDEKS		
			2018	2019	2020	2022	JUMLAH (RM Juta)	KEKERASAN	HARTA BENDA	KEDUDUKAN
Selangor	2	MB Shah Alam	0.67	0.30	0.50	-	1.47	17,483	58,093	1
	3	MB Petaling Jaya	-	0.50	0.45	0.50	1.45			
	3	MP Klang	0.70	0.65	0.70	-	2.05			
	3	MP Ampang Jaya	0.50	0.60	0.50	0.50	2.10			
Johor	3	MB Johor Bahru	0.80	0.60	0.50	0.50	2.40	6,121	24,169	3
	2	MB Pasir Gudang	0.70	-	0.55	0.50	1.75			
Sabah	2	DB Kota Kinabalu	-	0.35	0.50	-	0.85	2,219	16,836	6
	3	MP Tawau	0.70	0.55	0.70	0.40	2.35			
Melaka	2	MP Hang Tuah Jaya	0.60	-	0.45	-	1.05	1,791	6,750	12
	1	MP Jasin	-	-	0.40	-	0.40			
Perak	2	MB Ipoh	0.80	0.40	-	0.40	1.60	3,748	12,199	8

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

Nota: MP – Majlis Perbandaran; MB – Majlis Bandaraya; DB – Dewan Bandaraya

RAJAH 4
KEMENTERIAN/JABATAN/BAHAGIAN/AGENSI YANG DIAUDIT



Sumber: Ilustrasi oleh Jabatan Audit Negara

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen serta menganalisis data yang berkaitan. Lawatan dan pemeriksaan fizikal serta temu bual dengan pegawai dan penduduk yang terlibat juga diadakan.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan dijalankan antara bulan November 2022 hingga Mac 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas yang diterima telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 2 Jun 2023. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Program

5.1.1. Pencapaian Output

Pencapaian output dinilai berdasarkan tiga inisiatif seperti dalam **Jadual 2** yang dijalankan untuk menyokong strategi PBS iaitu mereka bentuk persekitaran fizikal (Strategi 1); memperkasakan kawasan sasaran (Strategi 2); serta pengurusan, penyertaan dan kesedaran komuniti (Strategi 3).

JADUAL 2
INISIATIF UNTUK MENYOKONG STRATEGI UTAMA PRORGAM BANDAR SELAMAT

BIL.	INISIATIF	STRATEGI UTAMA
1.	Pemutihan Kawasan <i>Blackspot</i>	<ul style="list-style-type: none">Mereka Bentuk Persekitaran FizikalMemperkasakan Kawasan SasaranPengurusan, Penyertaan dan Kesedaran Komuniti
2.	Pembangunan SPBS	Mereka Bentuk Persekitaran Fizikal
3.	Pencegahan Melalui CCTV	Memperkasakan Kawasan Sasaran


Sumber: Strategi Utama Program Bandar Selamat, PLANMalaysia

5.1.1.1. Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot* (Strategi 1, 2 dan 3) – Bilangan Kawasan dan PBT untuk Diputihkan

- Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot* diwujudkan bertujuan menurunkan indeks jenayah dan meningkatkan persepsi rasa selamat di kawasan *blackspot*. Kawasan *blackspot* merupakan kawasan yang menimbulkan perasaan takut menjadi mangsa jenayah (fear of crime) yang tinggi dan juga merupakan kawasan *hotspot* (indeks jenayah yang tinggi).
- Di peringkat PBT, kawasan *blackspot* ditentukan oleh PBT dengan persetujuan PDRM yang diperoleh semasa Mesyuarat Majlis Penuh PBT. Sekiranya kawasan ini diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian Cadangan Inisiatif Pemutihan

Kawasan *Blackspot* di peringkat KPKT, maka kawasan tersebut akan diperkasakan dengan pelaksanaan projek fizikal seperti dalam **Rajah 5**.


**RAJAH 5
PROJEK FIZIKAL DI BAWAH INISIATIF PEMUTIHAN KAWASAN *BLACKSPOT***



Sumber: Ilustrasi Jabatan Audit Negara

c. Di samping itu di peringkat PBT juga, Program Sosial dan Keselamatan turut diadakan untuk menyokong strategi ketiga di bawah inisiatif ini. Program Sosial dan Keselamatan dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi seperti dalam **Rajah 6**.


**RAJAH 6
PROGRAM SOSIAL DAN KESELAMATAN**



Sumber: PLANMalaysia

- d. Berdasarkan Sistem Pemantauan Projek II KDN, sebanyak 60 kawasan disasarkan untuk diputihkan bagi tempoh RMKe-11 (2016 hingga 2020). Sasaran bagi RMKe-12 (2021 hingga 2025) tidak menetapkan bilangan kawasan untuk diputihkan. Namun, merujuk kepada pembentangan Cadangan Projek Baharu *Rolling Plan* Kedua RMKe-12 KDN kepada *Economic Planning Unit*, sebanyak 20 PBT daripada keseluruhan 155 PBT di Malaysia disasarkan pada setiap tahun dengan jumlah yang diperuntukkan bagi setiap PBT adalah sebanyak RM500,000.
- e. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022 (kecuali tahun 2021 tiada peruntukan PBS kerana Covid-19), sebanyak 109 kawasan di 45 PBT telah diputihkan. Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020, sebanyak 81 kawasan (135%) telah diputihkan berbanding 60 kawasan disasarkan, iaitu melebihi sasaran. Bagi tahun 2022 pula, sebanyak 24 PBT (120%) diluluskan berbanding 20 PBT yang disasarkan.
- f. Berdasarkan kelulusan yang diberikan, elemen projek fizikal yang dilaksanakan oleh 45 PBT tersebut adalah seperti dalam **Rajah 7**. Antaranya adalah pencahayaan, rel penghadang, laluan pejalan kaki, *bollard* dan cermin keselamatan.

RAJAH 7
PROJEK FIZIKAL BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

- g. Selain itu, setiap PBT juga melaksanakan Program Sosial dan Keselamatan yang bersesuaian bagi menangani isu dan masalah di kawasan *blackspot* masing-masing. Semakan Audit mendapati sebanyak tiga ke 65 program setahun telah dilaksanakan bagi tempoh 2018 hingga 2022. Program ini dilaksanakan sebagai usaha mengurangkan jenayah di kawasan masing-masing. Antara program yang dijalankan adalah seperti dalam **Rajah 8**.

RAJAH 8
PROGRAM SOSIAL DAN KESELAMATAN OLEH PBT YANG DILAWATI
BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2022


Operasi PATI	<i>Community Empowerment</i>	<i>Omnipresence</i>	Ops Cegah
Ops Sarang	Operasi Bersepadu	Gotong-royong	Pemeriksaan Premis Perjudian
Aktiviti Gelandangan	Program Banteras Denggi	Pemeriksaan Narkotik	<i>Community Policing</i>

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Program Bandar Selamat dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal serta Pemantauan

5.1.1.2. Pembangunan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (Strategi 1 - Langkah 3)

- a. SPBS mula dibangunkan pada tahun 2010. Kejayaan pelaksanaan SPBS yang pada awalnya hanya mensasarkan kepenggunaannya di 12 PBT *hotspot* dan seterusnya diperluaskan ke 121 PBT pada tahun 2014.
- b. Di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah, Kerajaan bersetuju membangunkan SPBS untuk membantu PDRM, KDN, PBT, PLANMalaysia dan KPKT melaksanakan tindakan pencegahan jenayah dengan tepat, efisien dan kos efektif. SPBS diintegrasikan dengan *Police Reporting System* (PRS) seperti dalam **Rajah 9** dan mempunyai kemudahan untuk menanda tempat kejadian jenayah [Pemetaan Sistem Maklumat Geografi (GIS)] ketika laporan polis dibuat. Pemetaan GIS juga membantu dalam penentuan kawasan *hotspot*.

RAJAH 9
KONSEP PEMBANGUNAN SPBS



Sumber: Laporan Pemantauan Program Bandar Selamat, PLANMalaysia

- c. Melalui SPBS, portal iSelamat turut dibangunkan. iSelamat memaparkan maklumat jenayah di sesebuah kawasan kejriran dan komuniti sekitar dalam bentuk peta. Laman web berkenaan dibangunkan bagi memudahkan masyarakat mendapatkan maklumat jenayah secara terperinci bagi sesebuah kawasan, panduan dan tips pencegahan jenayah serta maklumat penting seperti dalam **Rajah 10**.

RAJAH 10
MAKLUMAT DALAM PORTAL iSELAMAT



Sumber: Program Bandar Selamat 2014 dan 2015, PLANMalaysia

- d. Semakan Audit mendapati pembangunan SPBS adalah secara berfasa seperti dalam **Jadual 3** dan siap pada tahun 2016 dengan kos berjumlah RM29.82 juta. Berdasarkan pengesahan Audit, SPBS mula diguna pakai bermula pada 1 Disember 2016 melibatkan 147 PBT dan 829 balai polis. Namun begitu, semakan Audit mendapati pada 20 Februari 2019, Mesyuarat Jemaah Menteri bersetuju hak milik SPBS diserahkan kepada PDRM. Turut diputuskan adalah peruntukan untuk perpindahan, penyenggaraan serta naik taraf dan membangunkan semula SPBS dengan kos berjumlah RM19.64 juta yang dijangka siap pada bulan Oktober 2023.
- e. Susulan penyerahan ini, PDRM berperanan sebagai pentadbir sistem manakala PLANMalaysia dan PBT sebagai pengguna sistem. Hal ini bagi membolehkan PLANMalaysia menyelaraskan penggunaan SPBS di semua PBT dan mengemas kini data spatial seperti guna tanah, *zoning* dan pengesahan kawasan *blackspot*. Bagi pihak PBT pula, SPBS membantu dalam merancang kawasan bagi penyediaan elemen projek fizikal.

**JADUAL 3
PEMBANGUNAN SPBS MENGIKUT FASA**

FASA PERTAMA (01.07.2010 – 03.12.2010)	FASA KETIGA (26.03.2012 – 26.12.2012)	FASA KEEMPAT (01.08.2013 – 05.12.2013)	FASA KELIMA (05.09.2014 – 15.12.2014)
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Modul Analisis ▪ Modul Pelaporan ▪ Modul Pengguna ▪ Modul Pemetaan ▪ Modul <i>Repository</i> 	Penambahbaikan antara muka <ul style="list-style-type: none"> ▪ Naik taraf pemetaan PRS dan SPBS ▪ Naik taraf <i>Geoprocessing</i> ▪ Naik taraf <i>online editing</i> PDRM dan PBT ▪ Naik taraf pelaporan ▪ Integrasi pelaporan dan lokasi taburan jenayah ▪ <i>Content Management System</i> ▪ <i>SPBS Dashboard</i> ▪ <i>Notification Service</i> ▪ <i>Decision Support Tools</i> 	Modul Penyelenggaraan <i>Desktop</i> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Import dan kenal pasti <i>clean</i> data jenayah ▪ Pendaftaran balai polis/PBT dan <i>Coordinate Extraction</i> ▪ Pendaftaran sektor ▪ Kemas kini dan ubah suai <i>Geoprocessing</i> ▪ Kemas kini MXD dan MSD ▪ <i>Masking</i> ▪ <i>Publish Web</i> Modul Penyelenggaraan Web <ul style="list-style-type: none"> ▪ Aplikasi <i>Lookup Table</i> ▪ Modul kemas kini Data POI (Online Editing) 	Pengemaskinian sistem dan pembangunan Modul GIS Jenayah kepada Pengguna Awam <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kemas kini pemetaan PRS dan SPBS ▪ Kemas kini pangkalan data ▪ Kemas kini <i>Geoprocessing</i> ▪ Kemas kini <i>Web Publisher</i> ▪ Pembangunan Modul Aplikasi GIS Jenayah
FASA KEDUA (01.08.2010 – 30.11.2011) <ul style="list-style-type: none"> ▪ Modul Analisis ▪ Modul Pelaporan ▪ Modul Carian dan Percetakan Laporan ▪ Modul Pemetaan 			FASA KEENAM (22.09.2016 – 05.12.2016) <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pembangunan Sistem Aplikasi ▪ Kemas kini sistem selaras perluasan 30 PBT dan 304 balai polis ▪ Kemas kini iSelamat kepada 18 PBT dan <i>Platform Mobile Apps</i> ▪ Penambahbaikan Modul Pengguna PDRM

Sumber: PDRM

5.1.1.3. Pencegahan Melalui Sistem Kamera Litar Tertutup (Strategi 2) – Bilangan Sistem Kamera Litar Tertutup yang Dibekalkan

- a. Kerajaan melalui Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan Ke-52 (MNKT Ke-52) pada 11 Oktober 2004 bersetuju dengan pemasangan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) sebagai salah satu langkah pencegahan jenayah harta benda di bawah PBS.

- b. Pemasangan CCTV di PBT secara sewaan telah dilaksanakan bermula tahun 2010 secara berfasa dengan nilai kontrak keseluruhan berjumlah RM172.69 juta seperti dalam **Jadual 4**. Tempoh sewaan bagi setiap fasa adalah lima tahun. Sewaan keseluruhan merangkumi 1,464 unit CCTV yang ditempatkan di 46 PBT dan 48 pusat kawalan bawah PDRM di Ibu Pejabat Kontinjen Polis Negeri (IPK). **Bagaimanapun, tempoh kontrak Fasa 2 dan Fasa 1 (Sambungan) masing-masing telah tamat pada 30 Jun 2021 dan 30 November 2022.** Namun, tiada sebarang kontrak baharu dimeterai setakat tarikh pengauditan.

**JADUAL 4
KONTRAK PEROLEHAN CCTV**

PERKARA	NAMA KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK	BILANGAN CCTV	NILAI KONTRAK (RM Juta)
FASA 1	559823-P	15.01.2010 hingga 01.01.2016	496	59.87
FASA 2	533440-X	28.11.2013 hingga 30.06.2021	496	79.27
FASA 1 (Sambungan)	559823-P	01.10.2017 hingga 30.11.2022	472	33.55
JUMLAH KONTRAK				172.69

Sumber: Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT

Maklum balas JKT Semasa Mesyuarat Penutup pada 2 Jun 2023

Isu berkaitan kontrak CCTV yang tamat telah dibincangkan di peringkat pengurusan tertinggi dan diambil maklum tentang keperluan pemasangan CCTV. Bagaimanapun, kekangan peruntukan menyebabkan pemasangan CCTV tidak dapat diteruskan.

Maklum balas PDRM Semasa Mesyuarat Penutup pada 2 Jun 2023

Pemasangan CCTV dapat mengurangkan kadar jenayah. Sekiranya berlaku kecurian, tindakan segera boleh diambil melalui CCTV yang dipasang.

Pendapat Audit | **Sasaran PBT dan kawasan untuk diputihkan tercapai dalam tempoh yang diaudit. Selain itu, SPBS telah dibangunkan dan CCTV telah dipasang sebagaimana yang dirancang.**

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

- Pencapaian tahap keberhasilan program dinilai melalui pengurangan kadar Jenayah Indeks dan *Fear of Crime* (FOC) iaitu pengurangan rasa takut menjadi mangsa jenayah di kalangan orang awam.
- Pengukuran kes jenayah dibuat berdasarkan Jenayah Indeks iaitu jenayah yang dilaporkan dengan kekerapan yang mencukupi dan berguna sebagai petunjuk kepada keadaan jenayah. Jenayah Indeks terbahagi kepada dua iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda melibatkan 13 jenis jenayah seperti dalam **Rajah 11**.


RAJAH 11
JENAYAH INDEKS DI BAWAH PENGAWASAN DAN PENCEGAHAN PDRM



Sumber: PDRM

- c. Selain itu, PBT yang ditawarkan peruntukan PBS perlu melaksanakan kajian *Fear of Crime* untuk menilai perasaan takut penduduk terhadap sesuatu kawasan. Kajian dilaksanakan sebelum dan selepas pelaksanaan PBS dengan mengedarkan soal selidik yang disediakan oleh PLANMalaysia kepada penduduk di kawasan yang dipilih untuk diputihkan.
- d. Penilaian tahap keberhasilan telah dilakukan terhadap 26 sampel kawasan di 11 PBT yang diluluskan peruntukan PBS bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020 (penilaian tahap keberhasilan bagi empat sampel kawasan tahun 2022 belum boleh dinilai kerana projek baharu dilaksanakan semasa pengauditan). Semakan Audit mendapati 16 kawasan (61.5%) menunjukkan pengurangan kadar jenayah; sembilan kawasan (34.6%) masih menunjukkan peningkatan kadar jenayah; dan satu kawasan (3.9%) iaitu PPR Lembah Subang 2 kekal dengan 11 kes selepas PBS dilaksanakan. Rumusan perubahan kadar Jenayah Indeks bagi sampel kawasan seperti dalam **Rajah 12**.

RAJAH 12
PERUBAHAN KADAR JENAYAH INDEKS SELEPAS PBS DILAKSANAKAN
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021 UNTUK 26 SAMPEL KAWASAN



Sumber: Ilustrasi Jabatan Audit Negara

5.1.2.1. Pengurangan Kadar Jenayah Indeks

- a. Statistik Jenayah Indeks di 16 kawasan (61.5%) selepas pelaksanaan program menunjukkan pengurangan kes antara satu hingga 161 kes selepas elemen pencegahan jenayah dilaksanakan. Bagi 15 kawasan (93.8%) menunjukkan pengurangan kadar FOC antara 7% hingga 89%. Perincian adalah seperti dalam **Jadual 5** dan **Jadual 6**.
- b. Analisis selanjutnya mendapati perkara seperti berikut:
 - i. Pengurangan tertinggi sebanyak 161 kes di PPR Lembah Subang 1 adalah disebabkan penurunan jenayah curi motosikal sebanyak 47 kes.
 - ii. Jenayah curi motosikal turut menjadi penyumbang utama kadar jenayah bagi Taman Sri Subang menurun sebanyak 58 kes dan Taman Merdeka, Batu Berendam sebanyak 33 kes.
 - iii. Secara keseluruhan, pelaksanaan PBS telah membantu penurunan jenayah curi motosikal sebanyak 208 kes; pecah rumah dan curi sebanyak 170 kes; serta curi motokar sebanyak 96 kes.

JADUAL 5
PENGURANGAN KADAR JENAYAH INDEKS
BAGI 16 KAWASAN SELEPAS PELAKSANAAN PROGRAM BANDAR SELAMAT

BIL.	KAWASAN/ KELULUSAN	PBT	JENAYAH INDEKS (Bilangan Kes)			KADAR FOC (%)		
			A	B	K	A	B	BEZA (%)
1.	PPR Lembah Subang 1 (2020)	Petaling Jaya	459	298	-161	99	67	-32
2.	Taman Subang Perdana (2019)		273	144	-129	65	30	-35
3.	Taman Merdeka, Batu Berendam (2018)	Hang Tuah Jaya	233	179	- 54	92	22	- 70

BIL.	KAWASAN/ KELULUSAN	PBT	JENYAH INDEKS (Bilangan Kes)			KADAR FOC (%)		
			A	B	K	A	B	BEZA (%)
4.	Taman Sri Subang (2019)	Petaling Jaya	507	456	- 51	57	12	- 45
5.	Buntong & Taman Pertama (2019)	Ipoh	70	33	- 37	80	TM	TM
6.	Pusat Bandar Air Keroh (Rumah Pangsa Taman Tasik Utama, SMK Bukit Baru-Taman Cendana dan Taman Kerjasama-Bukit Beruang) (2020)	Hang Tuah Jaya	105	69	- 36	78	6	- 72
7.	Bandar Baru Uda (2020)	Johor Bahru	36	10	- 26	74	18	- 56
8.	Pangsapuri Sri Nilam (2019)	Ampang Jaya	40	15	- 25	63	12	-51
9.	Taman Sri Muda (2018)	Shah Alam	106	85	- 21	44	37	- 7
10.	Kampung Likas (2019)	Kota Kinabalu	44	27	- 17	69	32	-37
11.	Taman Sentosa (2020)	Klang	110	95	- 15	93	24	- 69
12.	Sebahagian Taman Klang Jaya (2019)	Klang	71	61	- 10	99	10	-89
13.	Taman Tasik Tambahan (2020)	Ampang Jaya	27	18	- 9	70	17	- 53
14.	Persisiran Sabindo dan Jalan Dunlop (2019)	Tawau	23	16	- 7	65	37	- 28
15.	Kampung Warisan, Inanam (2020)	Kota Kinabalu	7	4	- 3	76	0	- 76
16.	Taman Desa Cemerlang (2018)	Johor Bahru	29	28	- 1	38	16	- 22

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

Nota: A - Sebelum; B - Selepas; K – Pengurangan; dan TM - Tiada Maklumat

JADUAL 6
PENGURANGAN JENYAH INDEKS MENGIKUT JENIS JENYAH
BAGI 16 KAWASAN SELEPAS PELAKSANAAN PROGRAM BANDAR SELAMAT

BIL.	KAWASAN/ KELULUSAN	JENYAH INDEKS (Bilangan Kes Berkurang)									
		a	b	c	d	e	f	g	h	i	j
1.	PPR Lembah Subang 1 (2020)	20	47	7	4	-	41	45	37	-	1
2.	Taman Subang Perdana (2019)	-	27	21	1	10	39	4	-	-	32
3.	Taman Merdeka, Batu Berendam (2018)	3	33	5	4	10	-	9	2	-	-
4.	Taman Sri Subang (2019)	-	58	34	-	-	20	-	-	1	-
5.	Buntong & Taman Pertama (2019)	7	13	7	2	5	8	-	-	-	-
6.	Pusat Bandar Air Keroh (Rumah Pangsa Taman Tasik Utama, SMK Bukit Baru-Taman Cendana dan Taman Kerjasama-Bukit Beruang) (2020)	7	-	-	1	-	25	3	2	-	13
7.	Bandar Baru Uda (2020)	-	6	5	-	-	8	-	-	-	7
8.	Pangsapuri Sri Nilam (2019)	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM
9.	Taman Sri Muda (2018)	-	3	5	6	4	7	-	-	-	1
10.	Kampung Likas (2019)	-	3	-	-	-	16	-	-	-	1
11.	Taman Sentosa (2020)	8	13	4	-	-	1	1	-	-	-
12.	Sebahagian Taman Klang Jaya (2019)	7	2	6	2	5	-	-	-	-	-
13.	Taman Tasik Tambahan (2020)	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM

BIL.	KAWASAN/ KELULUSAN	JENAYAH INDEKS (Bilangan Kes Berkurang)									
		a	b	c	d	e	f	g	h	i	j
14.	Persisiran Sabindo dan Jalan Dunlop (2019)	-	-	-	-	-	3	-	-	-	5
15.	Kampung Warisan, Inanam (2020)	-	1	-	-	-	2	-	-	-	-
16.	Taman Desa Cemerlang (2018)	-	2	2	2	-	-	-	-	-	1
JUMLAH		52	208	96	22	34	170	62	41	1	61

Sumber: Data Jenayah Indeks, PDRM

Nota: TM - Tiada Maklumat

- | | |
|----------------------------------|-----------------------------|
| a - Samun Berkawan Tanpa Senjata | f - Pecah Rumah dan Curi |
| b - Curi Motosikal | g - Samun Tanpa Senjata Api |
| c - Curi Motokar | h - Rogol |
| d - Curi Van/Lori/Jentera Berat | i - Bunuh |
| e - Mencederakan | j - Lain-lain Curi |

- c. Di PPR Lembah Subang 1, walaupun kes jenayah menurun namun terdapat lampu yang dipasang tidak dimanfaatkan. Perkara yang sama turut berlaku di PPR Lembah Subang 2 yang tidak menunjukkan sebarang perubahan jenayah selepas PBS dilaksanakan. Pihak Audit mendapati sebanyak **21 lampu jalan dan lapan lampu limpah bernilai RM43,500 tidak berfungsi di kedua-dua kawasan tersebut.**
- d. Perkara ini berlaku disebabkan empat peti agihan (feeder pillar) di PPR Lembah Subang 1 dan PPR Lembah Subang 2 seperti dalam **Jadual 7** serta **Gambar 1** dan **Gambar 2** masih belum dibekalkan dengan elektrik tetap walaupun projek telah dilaksanakan sejak tahun 2020. Bagi PPR Lembah Subang 2, permohonan telah dibuat melalui aplikasi myTNB sebanyak dua kali iaitu pada 30 November 2021 dan 26 Mac 2022. Bagaimanapun, tiada bukti susulan dibuat oleh pihak MB Petaling Jaya dengan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) berhubung permohonan tersebut. Sehingga 17 Mei 2023, lampu telah berfungsi dengan baik di PPR Lembah Subang 1 manakala pihak majlis masih menunggu pihak TNB menyediakan Bil Caj Sambungan Pengguna (CSP) bagi PPR Lembah Subang 2.

JADUAL 7
FEEDER PILLAR TIDAK DIBEKALKAN DENGAN ELEKTRIK TETAP

LOKASI	PBS (Tahun)	BILANGAN FEEDER PILLAR	HURAIAN
PPR Lembah Subang 1	2020	1	Bekalan elektrik sementara diambil daripada tiang lampu sedia ada yang berdekatan (Gambar 1)
PPR Lembah Subang 2	2020	3	Satu feeder pillar dibuat penyambungan sementara dengan tiang lampu sedia ada di luar kawasan PPR (Gambar 2)

Sumber: Pemeriksaan Fizikal Pada 24 November 2022

GAMBAR 1

PPR Lembah Subang 1

- Keadaan *Feeder Pillar* yang dibuat Penyambungan Sementara dengan Tiang Lampu Sedia Ada Berdekatan (24.11.2022)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2

PPR Lembah Subang 2

- Keadaan *Feeder Pillar* yang dibuat Penyambungan Sementara dengan Tiang Lampu Sedia Ada Berdekatan (24.11.2022)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- e. Bagaimanapun, statistik Jenayah Indeks bagi sembilan kawasan (34.6%) masih menunjukkan peningkatan antara dua hingga 41 kes walaupun elemen pencegahan telah dilaksanakan. Namun begitu, langkah pencegahan yang dilaksanakan dapat mengurangkan perasaan takut penduduk dengan pengurangan kadar FOC antara 23% hingga 53% seperti dalam **Jadual 8** dan **Jadual 9**.

JADUAL 8
PENINGKATAN KADAR JENYAH INDEKS
BAGI SEMBILAN KAWASAN SELEPAS PELAKSANAAN PROGRAM BANDAR SELAMAT

BIL.	KAWASAN/ KELULUSAN	PBT (MB/MP)	JENYAH INDEKS (Bilangan Kes)			KADAR FOC (%)		
			A	B	P	A	B	BEZA
1.	Pekan Lama (2018)	Ipoh	52	93	+ 41	64	28	- 36
2.	Taman Johor Jaya (2019)	Johor Bahru	72	85	+ 13	82	39	-43
3.	Bandar Merlimau (2020)	Jasin	48	58	+ 10	39	14	- 25
4.	Pekan Lama Tawau (2020)	Tawau	22	30	+ 8	52	0	- 52
5.	Taman Kosas (2018)	Ampang Jaya	52	59	+ 7	60	20	-40
6.	Sektor 12 (Zon 77,78 & 80) (2018)	Tawau	34	40	+ 6	68	45	- 23
7.	Taman Pendamar Indah 2 (2018)	Klang	82	88	+ 6	63	10	-53
8.	Pekan Masai (2018)	Pasir Gudang	36	38	+ 2	66	83	+ 17
9.	Taman Air Biru dan Taman Kota Masai (2020)		73	75	+ 2	85	40	- 45

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

Nota: A = Sebelum; B = Selepas; dan P = Peningkatan

JADUAL 9
PENINGKATAN JENYAH INDEKS MENGIKUT JENIS JENYAH

BIL.	KAWASAN/ KELULUSAN	JENYAH INDEKS (Bilangan Kes Meningkat)									
		a	b	c	d	e	f	g	h	i	j
1.	Pekan Lama (2018)	7	3	-	3	-	18	-	2	3	5
2.	Taman Johor Jaya (2019)	5	-	2	-	-	-	2	5	-	9
3.	Bandar Merlimau (2020)	-	1	-	-	-	11	2	-	2	-

BIL.	KAWASAN/ KELULUSAN	JENYAH INDEKS (Bilangan Kes Meningkat)									
		a	b	c	d	e	f	g	h	i	j
4.	Pekan Lama Tawau (2020)	-	-	-	-	-	2	-	-	-	6
5.	Taman Kosas (2018)	4	10	-	7	-	-	2	-	2	-
6.	Sektor 12 (Zon 77,78 & 80) (2018)	3	-	-	-	-	3	-	-	-	3
7.	Taman Pendamar Indah 2 (2018)	-	-	2	2	1	9	-	-	2	4
8.	Pekan Masai (2018)	-	-	2	-	-	3	-	1	-	2
9.	Taman Air Biru dan Taman Kota Masai (2020)	9	1	-	-	-	-	5	-	2	6
JUMLAH		28	15	6	12	1	46	11	8	11	35

Sumber: Data Jenayah Indeks, PDRM

Nota: a - Pecah Rumah dan Curi f - Curi Motosikal
b - Samun Berkawan Tanpa Senjata g - Curi Motokar
c - Samun Berkawan Bersenjata h - Curi Van/Lori/Jentera Berat
d - Samun Tanpa Senjata Api i - Mencederakan
e - Samun Bersenjata Api j - Lain-lain Curi

f. Analisis selanjutnya mendapati perkara seperti berikut:

- i. Peningkatan tertinggi berlaku di Pekan Lama iaitu sebanyak 41 kes; diikuti Taman Johor Jaya sebanyak 13 kes; dan Bandar Merlimau sebanyak 10 kes.
- ii. Secara keseluruhannya, curi motosikal menjadi penyumbang utama kepada peningkatan kadar jenayah dengan kenaikan sebanyak 46 kes di enam kawasan. Julat kenaikan di kawasan ini adalah antara dua hingga 18 kes. Kenaikan kedua tertinggi adalah melibatkan lain-lain curi iaitu sebanyak 35 kes dan ketiga pecah rumah dan curi sebanyak 28 kes.
- iii. Di Pekan Lama, penyumbang utama peningkatan kadar jenayah adalah disebabkan kenaikan jenayah curi motosikal sebanyak 18 kes. Pihak Audit mendapati **elemen tempat letak motosikal berkunci tidak dicadangkan** di kawasan ini sebagai langkah untuk meningkatkan keselamatan dan mengurangkan insiden jenayah. Sebaliknya elemen pencahayaan dilaksanakan di kawasan ini. Bagaimanapun, pemeriksaan fizikal Audit mendapati **enam unit lampu yang dipasang di Lorong Hale telah dicabut untuk kerja pembinaan hotel.** Tindakan ini boleh mengundang kejadian jenayah disebabkan oleh pencahayaan kurang yang mengakibatkan wujud ruang gelap dan samar.
- iv. Di Taman Johor Jaya, peningkatan kadar jenayah adalah disebabkan oleh kenaikan jenayah pecah rumah dan curi serta curi kenderaan (van/lori/jentera berat) masing-masing sebanyak lima kes. Di Bandar

Merlimau pula, peningkatan kadar jenayah adalah disebabkan oleh kenaikan jenayah curi motosikal sebanyak 11 kes.

- v. Selain itu di Pangsapuri Pendamar Indah 2 Klang, **tempat letak motosikal berkunci dibina tanpa dilengkapi dengan *chain lock* atau *cable lock*** untuk membolehkan pengguna mengunci motosikal mereka. Kelemahan ini mengakibatkan kemudahan tersebut sekadar dijadikan parkir motosikal dan **tidak mengikut kefungisian** sebenar di bawah PBS seperti dalam **Gambar 3**.



GAMBAR 3

Pangsapuri Pendamar Indah 2, Klang
- Spesifikasi Tempat Letak Motosikal Tiada *Chain Lock*
atau *Cable Lock*
(20.10.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- vi. MB Pasir Gudang dan MP Tawau menunjukkan peningkatan kadar jenayah dalam dua kawasan, berbanding PBT lain yang menunjukkan peningkatan kadar jenayah dalam satu kawasan sahaja. Selain itu kedua-dua PBT ini turut mempunyai kelemahan dalam pengurusan projek fizikal yang boleh menjadi penghalang kepada pengurangan kes jenayah. Keterangan seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PENINGKATAN JENAYAH DI MB PASIR GUDANG DAN MP TAWAU

KETERANGAN
<p>1. MB Pasir Gudang</p> <p>Pekan Masai</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kadar peningkatan kes jenayah: 2 kes • Kadar peningkatan FOC: 17% • Kenaikan kes mengikut jenayah: curi motosikal (3); samun berkawan bersenjata (2); dan lain-lain curi (2) • Tempat letak motosikal berkunci (kos RM20,000) tidak dimanfaatkan. • Palang besi untuk kunci tayar motosikal tidak digunakan (Gambar 4) • Kemudahan turut digunakan untuk memarkir kereta (Gambar 5) <p>Taman Air Biru dan Taman Kota Masai</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kadar peningkatan kes jenayah: 2 kes. • Kenaikan kes mengikut jenayah: pecah rumah dan curi (9); lain-lain curi (6); dan curi motokar (5) • 11 lampu rosak dan tidak berfungsi (kos RM22,060)
<p>2. MP Tawau</p> <p>Sektor 12</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kadar peningkatan kes jenayah: 6 kes • Kenaikan kes mengikut jenayah: curi motosikal (3); serta pecah rumah dan curi (3) • Tempat letak motosikal di Jalan Chong Thien Vun tidak dimanfaatkan (Gambar 6)

Sumber: Data PDRM dan Pemeriksaan Fizikal

GAMBAR 4



Terminal Bas, Pekan Masai
- Palang Besi yang Disediakan untuk Mengunci
Tayar Motosikal Tidak Digunakan bagi
Mengelakkan Kecurian
(02.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



Terminal Bas, Pekan Masai
- Tempat Letak Motosikal Berkunci Digunakan
oleh Orang Awam untuk Memarkir Kereta
(02.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 6

Jalan Chong Thien Vun, Sektor 12
- Tempat Letak Motosikal Berkunci
(Kos RM14,672.70) Digunakan oleh Orang Awam untuk
Meletak Kenderaan
(13.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

5.1.2.2. Ketidakboleh Capaian Maklumat dan Pemantauan dari Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS)

- a. SPBS dibangunkan untuk membolehkan PDRM menganalisis trend corak dan pergerakan jenayah yang diperolehi melalui Sistem Maklumat Geografi (GIS). Objektif pembangunan SPBS adalah seperti berikut:
 - i. memantau keberkesanan pelaksanaan langkah Program Bandar Selamat dalam menangani jenayah jalanan di kawasan PBT;
 - ii. mengenal pasti kawasan *hotspot* sedia ada dan berpotensi, corak jenayah dan lokasi yang kerap berlaku jenayah; dan
 - iii. menyediakan maklumat untuk penguatkuasaan langkah pencegahan jenayah.
- b. Semakan Audit mendapati **sistem tidak dapat diakses oleh PBT sejak 19 Januari 2019 iaitu selepas tiga tahun selesai dibangunkan pada 5 Disember 2016**. Ini kerana peta PRS tidak dapat dicapai oleh kesemua balai di seluruh negara bermula tarikh tersebut disebabkan kerosakan pada kipas *server* di Bukit Aman yang mengakibatkan suhu menjadi

amat tinggi sehingga 47 darjah celsius. Ekoran daripada kerosakan ini mengakibatkan fungsi penandaan tempat kejadian jenayah tidak diaktifkan (disable). Pihak Audit dimaklumkan, penggantian perkakasan tidak dibuat memandangkan SPBS 2.0 sedang dibangunkan. **Perkara ini menyebabkan objektif pembangunan SPBS tidak tercapai disebabkan kemampuan SPBS yang terhad.**

- c. Ketidakbolehan capaian SPBS turut mengakibatkan **Portal iSelamat tidak dibuka untuk diakses oleh orang awam.** Pada masa kini, SPBS dan Portal iSelamat sedang dinaik taraf untuk tempoh bermula 20 Oktober 2022 sehingga 19 Oktober 2023.
- d. Kegagalan SPBS dan Portal iSelamat diakses oleh pengguna dan golongan sasaran mengakibatkan objektif pembangunan tidak tercapai kerana:
 - i. **Analisis kekerapan jenayah tidak dapat dilaksanakan dengan tepat, cepat dan terperinci** mengakibatkan perancangan pencegahan jenayah yang optimum tidak dapat dijalankan oleh pihak PDRM.
 - ii. Pegawai di PBT **sukar menentukan lokasi hotspot dan kekerapan jenayah** yang berlaku di kawasan seliaan bagi tujuan permohonan peruntukan PBS. Sebaliknya maklumat tersebut terpaksa diperoleh secara manual dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD). Kesukaran ini mengakibatkan terdapat kes yang mana pegawai di PBT menggunakan pakai data jenayah terdahulu bagi tujuan penentuan lokasi *hotspot* semasa. Sebagai contoh pengesahan Audit di MB Ipoh mendapati cadangan projek fizikal tahun 2022 di kawasan Tanjung Rambutan dibuat berdasarkan data Jenayah Indeks tahun 2019. Mekanisme ini mengakibatkan kawasan dipilih bukan merupakan lokasi sebenar *hotspot* yang mempunyai kadar jenayah semasa yang tinggi.

Maklum balas PDRM yang diterima pada 9 Mei 2023

SPBS tidak disenggara sejak dibangunkan sehingga mengalami kerosakan dan diserahkan kepada PDRM. Oleh itu, penyenggaraan terhadap sistem sedia ada perlu dilakukan kerana mengambil kira kesinambungan data dan migrasi kepada sistem yang baharu kelak.

5.1.2.3. Keberkesanan Pemasangan CCTV Sebagai Langkah Pencegahan Jenayah

- a. Pemasangan CCTV bertujuan membantu PDRM dalam mengurangkan kadar jenayah jalanan yang tinggi; mengurangkan kadar jenayah indeks; dan memastikan persekitaran bandar yang lebih selamat dan terjamin.
- b. Semakan Audit mendapati **kontrak CCTV Fasa 1 dan Fasa 1 (Sambungan) menggunakan teknologi yang sama iaitu kamera jenis analog untuk tempoh selama 10 tahun** seperti dalam **Jadual 11**. Sebaliknya, kontrak CCTV Fasa 2 yang bermula hampir empat tahun lebih awal dari kontrak Fasa 1 (Sambungan) adalah lebih baik kerana menggunakan spesifikasi kamera jenis *High Definition* (HD) dan berteknologi *Internet Protocol* (IP) seiring dengan kemajuan teknologi semasa.

JADUAL 11
PERBANDINGAN TEKNOLOGI CCTV BERDASARKAN SPESIFIKASI KONTRAK

BIL.	PERKARA	SPESIFIKASI KONTRAK				
		DITETAPKAN OLEH KPKT		DIGUNA PAKAI DI TAPAK		
		FASA 1 & FASA 1 (Sambungan)	FASA 2	FASA 1 (15.10.2010 - 01.01.2016)	FASA 2 (28.11.2013 - 30.06.2021)	FASA 1 (Sambungan) (01.10.2017 - 30.11.2022)
1.	Brand Mode	-	-	Panasonic, WV-CW960/G	HD PTZ <i>Indigo Vision</i> BX520	Panasonic, WV-CW590
2.	Jenis	PAL	IP	PAL	IP	PAL
3.	Image Sensor	1/4" CCD	progressive scan	1/4" type interline transfer CCD	1/2.8" progressive CMOS	1/4" type interline transfer CCD
4.	Image Pixel	470K or higher	1,280 (H) X 720 (V)	752 (H) X 582 (V)	1,920 (H) X 1,080 (V)	976 (H) X 582 (V)
5.	Lens Furnished/ Zoom	25 x optical zoom 10 x digital zoom/higher	18 x optical zoom 12 x digital zoom	30 x optical zoom 300 x digital zoom	20 x digital zoom	36 x optical zoom 720 x digital zoom

Sumber: Kontrak CCTV

Nota: PAL - Phase Alternating Line;
CCD - Charge Couple Device;

IP - Internet Protocol;
CMOS - Complementary Metal Oxide Semiconductor

- c. Perkara ini disebabkan KPKT tidak mengambil kira kepentingan menggunakan teknologi CCTV terkini dan memastikan produk yang dikeluarkan oleh pembekal masih boleh didapati dalam pasaran sepanjang tempoh kontrak.
- d. Kelemahan akibat tiada penambahbaikan terhadap spesifikasi CCTV bagi kontrak Fasa 1 (Sambungan) telah menyebabkan perkara seperti berikut:
 - i. Imej yang dipaparkan oleh CCTV kontrak Fasa 1 (Sambungan) didapati tidak jelas dan kabur seperti dalam **Gambar 7** kerana menggunakan kamera jenis analog walaupun teknologi yang lebih baik telah wujud pada masa itu.

- ii. Pemasangan CCTV di tujuh daripada 25 PBT **telah dinaik taraf kerana CCTV model WV-CW590 telah dihentikan pengeluarannya oleh pembekal.** Tujuh PBT yang terlibat adalah MP Ampang Jaya, MB Petaling Jaya, MP Selayang, MB Subang Jaya, MB Shah Alam, MP Kajang dan MB Alor Setar. Akibat naik taraf ini juga menyebabkan PBT dan PDRM lewat mendapat manfaat kerana pemasangan CCTV hanya dibuat pada tahun 2019 (kontrak asal pada tahun 2017). Perbandingan paparan imej antara CCTV kamera jenis analog dengan kamera yang dinaik taraf jenis HD serta menggunakan teknologi IP ditunjukkan seperti dalam **Gambar 8** dan **Gambar 9**.
- iii. Pemasangan CCTV tidak dapat membantu PDRM mengurangkan kadar jenayah secara optimum. Ini kerana PDRM sukar untuk mengenal pasti identiti penjenayah dan nombor pendaftaran kenderaan yang terlibat. Di samping itu, penggunaan teknologi CCTV yang tidak seiring dengan kemajuan semasa menyebabkan pelaburan kewangan kerajaan menjadi *not value for money* kerana pihak PDRM dan PBT tidak dapat memaksimumkan keupayaan sebenar teknologi CCTV secara berkesan dalam menurunkan risiko jenayah setempat.

GAMBAR 7



Kawasan Perindustrian Batu Berendam, Melaka
- Paparan Imej CCTV Fasa 1 (Sambungan)
MP Hang Tuah Jaya yang Tidak Jelas dan Kabur
Kerana Menggunakan Kamera Analog
(27.10.2022)
(Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Taman Mutiara, Melaka
- Paparan Imej CCTV MP Hang Tuah Jaya yang
Tidak Jelas dan Kabur Menggunakan Kamera
Analog bagi Kontrak Sewaan CCTV
Fasa 1 (Sambungan)
(27.10.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 9

Jalan Opera, Shah Alam
- Paparan Imej CCTV MB Shah Alam yang Jelas
Menggunakan Kamera HD dan Teknologi IP
Selepas Dinaik Taraf dalam Kontrak Sewaan
CCTV Fasa 1 (Sambungan)
(09.11.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas JKT yang diterima pada 9 Mei 2023

Pelaksanaan kontrak Fasa 1 (Sambungan) mengguna pakai spesifikasi asal disebabkan terdapat penjimatan kos sekurang-kurangnya 40%.

Pendapat Audit

PBS tidak dapat membantu mengurangkan kadar jenayah dan perasaan takut orang awam menjadi mangsa jenayah secara optimum di kawasan yang diputihkan. Selain itu, SPBS didapati tidak boleh dicapai dan terdapat kelemahan dalam penyediaan spesifikasi CCTV kontrak Fasa 1 (Sambungan).

5.2. Pengurusan Program

5.2.1. Peruntukan dan Perbelanjaan Kewangan

- a. PB 1.2 (Anggaran Perbelanjaan Persekutuan) menyatakan Pegawai Pengawal dibenarkan membuat perbelanjaan seperti yang diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan.
- b. Semakan Audit mendapati peruntukan pembangunan berjumlah RM47.22 juta untuk PBS telah dibelanjakan bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022 (kecuali tahun 2021 peruntukan tidak diterima disebabkan wabak Covid-19). Khusus bagi tahun 2021 pula, peruntukan mengurus berjumlah RM1 juta telah diluluskan untuk kajian impak keberkesanan Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot*. Namun, **peruntukan ini tidak digunakan menyebabkan kajian keberkesanan tidak dilaksanakan** dan wang yang diperuntukkan telah dipulangkan semula.

Maklum balas KDN yang diterima pada 24 Mei 2023

Bahagian Perolehan telah mengiklankan tender bagi pelaksanaan kajian di portal KDN pada 18 Jun 2021 dan hanya satu petender yang mengemukakan permohonan sehingga perolehan ini ditutup pada 19 Julai 2021. Jawatankuasa Penilaian Perunding pada 5 Oktober 2021 memperakukan bahawa petender tidak melepasi penilaian teknikal untuk menjalankan kajian ini. Oleh itu, KDN melalui Institut Keselamatan Awam Malaysia telah melantik pasukan penyelidik daripada Universiti Teknologi MARA untuk melaksanakan kajian ini mulai 18 April 2023 sehingga 17 Oktober 2023 dengan kos kajian sebanyak RM149,900 menggunakan peruntukan perbelanjaan mengurus.

5.2.1.1. Baki Peruntukan Program Tidak Habis Digunakan

- a. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Pemantauan Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot* Bil. 1/2019 menetapkan sekiranya terdapat baki penjimatan, PBT perlu mengemukakan cadangan pelaksanaan tambahan atau sambungan projek sedia ada dan perlu disiapkan pada tahun tersebut.
- b. Semakan Audit terhadap 45 PBT yang menerima peruntukan PBS bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022 mendapati perkara seperti berikut:
 - i. Sebanyak 31 PBT (68.9%) seperti dalam **Jadual 12** mempunyai baki peruntukan antara RM583 hingga RM0.25 juta, dengan baki terkumpul keseluruhan berjumlah RM1.82 juta setakat bulan Oktober 2022.
 - ii. Tujuh PBT (22.6%) dengan baki peruntukan berjumlah RM319,270 ada mengemukakan permohonan bagi cadangan tambahan pelaksanaan elemen PBS. Bagaimanapun, 24 PBT yang lain (77.4%) dengan baki peruntukan berjumlah RM1.50 juta tidak berbuat demikian. Selain itu, didapati MB Pulau Pinang telah mengakaunkan baki peruntukan berjumlah RM23,240.13 sebagai hasil PBT.

JADUAL 12
KEDUDUKAN PBT YANG MASIH MEMPUNYAI BAKI
PERUNTUKAN UNTUK PROGRAM PBS TAHUN 2018 HINGGA 2022

BIL.	PBT	JUMLAH BAKI (RM)	BIL.	PBT	JUMLAH BAKI (RM)
1.	MB Shah Alam	251,147.70	17.	MB Petaling Jaya	40,259.00
2.	MB Pasir Gudang	172,276.96	18.	MP Dungun*	28,989.00
3.	MP Kangar	152,240.19	19.	MB Pulau Pinang**	23,240.13
4.	DB Kuching Utara*	150,426.00	20.	MP Ampang Jaya	21,396.50
5.	Perbadanan Labuan	118,530.00	21.	MB Kuching Selatan	19,993.50
6.	MP Kajang*	113,595.00	22.	MD Maran*	19,000.00
7.	MP Selayang	96,564.57	23.	MP Tawau*	18,040.00
8.	MB Subang Jaya	93,854.00	24.	MD Besut	16,800.00
9.	MB Johor Bahru	76,286.20	25.	MB Seremban	9,280.51
10.	DB Kota Kinabalu	72,875.00	26.	MB Ipoh	8,096.85
11.	MP Sungai Petani	65,517.00	27.	MP Sandakan	2,695.00
12.	MP Padawan	55,192.12	28.	MP Teluk Intan*	2,406.00
13.	MP Hang Tuah Jaya	51,605.88	29.	MB Alor Setar	1,464.10
14.	MP Kulim	47,688.30	30.	MP Klang	910.65
15.	MP Sibu	43,692.60	31.	MB Kuantan	583.00

BIL.	PBT	JUMLAH BAKI (RM)	BIL.	PBT	JUMLAH BAKI (RM)
16.	MB Miri*	40,591.00			
JUMLAH KECIL		1,602,082.52			213,154.24
JUMLAH BESAR		1,815,236.76			

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran

Nota: (*) - PBT Mengemukakan Cadangan Tambahan Pelaksanaan Elemen PBS

Maklum balas PLANMalaysia yang diterima pada 22 Mei 2023

PLANMalaysia pada 6 Januari 2023 mengarahkan PBT mengisytiharkan jumlah baki dengan lengkap bermula tahun 2013 hingga 2020 berserta cadangan penggunaan.

5.2.1.2. Peruntukan PBS Digunakan untuk Perolehan Alat Ganti

- Cadangan projek fizikal tahun 2019 dan 2020 oleh DB Kota Kinabalu kepada PLANMalaysia tidak menyenaraikan pembelian alat ganti. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap *Bill of Quantity* (BQ) projek mendapati **perolehan alat ganti berjumlah RM84,500** seperti dalam **Jadual 13** ada disenaraikan dalam BQ yang disediakan.

JADUAL 13
PEROLEHAN ALAT GANTI MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PBS

BIL.	PEROLEHAN ALAT GANTI	TAHUN	
		2019	2020
1.	10 mm PVC Aluminium Cable	-	2,000 m
2.	25 mm PVC Aluminium Cable	1,000 m	-
3.	10M Single Arm Octagonal Poles c/w 150W street light	6 nos	10 nos
4.	10M Double Arm Octagonal Poles c/w 150W street light	-	10 nos
JUMLAH (RM)		21,500	63,000
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		84,500	

Sumber: BQ Projek, DB Kota Kinabalu

- Pihak Audit dimaklumkan bahawa alat ganti tersebut ditempatkan di sebuah premis di Kolombong seperti dalam **Gambar 10** dan **Gambar 11**. Namun melalui pemeriksaan fizikal yang dijalankan, pihak Audit **tidak dapat mengesahkan kewujudan alat ganti** seperti yang disenaraikan dalam BQ di premis berkenaan. Tambahan pula **rekod pergerakan keluar masuk aset tidak diselenggara**.

GAMBAR 10



GAMBAR 11



- Premis di Kolombong
- Keadaan Penyimpanan Lampu dan Kabel yang Tidak Teratur dan Bersepah (16.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- c. Analisis Audit terhadap data PDRM mendapati dalam tahun yang sama terdapat kawasan *hotspot* lain yang boleh dipertimbangkan pemasangan lampu. Antaranya ialah Karamunsing, Lorong Kemajuan, Jalan Tet Pha Dui, Jalan Undan, Lorong Terminal Inanam, Segama Complex, Sinsuran Complex, Kampung Ayer dan Taman Kopeks.

Maklum balas DB Kota Kinabalu yang diterima pada 22 Mei 2023

Perolehan tersebut bertujuan sebagai alat ganti sekiranya lampu jalan dalam skop projek ini mengalami kerosakan atau vandalism.

Pendapat Audit | **Berlaku lebih peruntukan yang tidak dibelanjakan secara optimum oleh PBT menyebabkan manfaat program tidak dapat diperluaskan di kawasan *hotspot* yang lebih berpotensi.**

5.2.2. Tadbir Urus Program

5.2.2.1. Inisiatif Semasa Tidak Meliputi Keseluruhan Matlamat Program

Nota oleh Menteri Perumahan Kerajaan Tempatan menetapkan empat matlamat utama mewujudkan bandar selamat seperti dalam **Rajah 13**. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati inisiatif semasa yang dijalankan tertumpu kepada pencapaian matlamat pertama iaitu mewujudkan bandar selamat. Sebaliknya, inisiatif melibatkan **tiga matlamat yang lain belum dilaksanakan/kurang dilaksanakan.**

RAJAH 13
MATLAMAT UTAMA MEWUJUDKAN BANDAR SELAMAT

1	2	3	4
Bandar yang bebas dari keganasan (violence) yang merosakkan harta benda dan nyawa seperti gejala ragut, pecah rumah, kecurian dan sebagainya.	Bandar yang bebas dari kemusnahan dan malapetaka ekoran bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh.	Bandar yang bebas dari kemerosotan sosial dan moral (social and moral decay) seperti penagihan dadah, kecurian, jenayah kolar putih, rasuah, salah guna kuasa, hilang integriti dan sebagainya.	Bandar yang bebas dari kemalangan dalam dan luar bangunan (indoor/outdoor accidents) seperti kemalangan jalan raya, jatuh dari bangunan, kebakaran dan sebagainya.

Sumber: Nota daripada Menteri Perumahan Kerajaan Tempatan


Maklum balas PLANMalaysia yang diterima pada 26 Mei 2023

Pelaksanaan PBS hanya menjalankan matlamat PBS yang pertama. Bagi matlamat kedua, PLANMalaysia berperanan dari segi perancangan dengan menyediakan Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia pada tahun 2018 dan ia diterapkan di peringkat penyediaan rancangan pemajuan. Bagi jangka masa panjang, matlamat PBS ketiga dan keempat adalah lebih sesuai untuk diselaraskan semula di peringkat Kementerian.

5.2.2.2. Pemilihan Kawasan dan PBT untuk Diputihkan

Pemilihan kawasan dan PBT untuk diputihkan di bawah Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot* diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian Cadangan Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot* (Jawatankuasa Penilaian) seperti dalam **Rajah 14**. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan PLANMalaysia dan wakil terdiri daripada KDN, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Perpaduan Negara.

RAJAH 14
PROSES KERJA INISIATIF PEMUTIHAN KAWASAN *BLACKSPOT*



Sumber: PLANMalaysia

Semakan Audit terhadap pemilihan kawasan dan PBT bagi tempoh 2018 hingga 2022 mendapati perkara seperti berikut:

a. Kadar FOC Rendah/Tidak Dibentangkan kepada Jawatankuasa Penilaian

- i. Kaedah penilaian dan pertimbangan pemilihan adalah berdasarkan empat kriteria yang ditetapkan iaitu kesesuaian kawasan, cadangan pemutihan, prestasi PBT dan pelaksanaan CPTED seperti dalam **Rajah 15**. Cadangan ini dibentangkan kepada Jawatankuasa Penilaian. Skor antara satu hingga tiga diberikan bagi setiap kriteria yang dinilai.

**RAJAH 15
KAEDAH PENILAIAN DAN PERTIMBANGAN PEMILIHAN PBT**

KRITERIA 1	KRITERIA 2	KRITERIA 3	KRITERIA 4
Kesesuaian Kawasan	Cadangan Pemutihan	Prestasi PBT	Pelaksanaan CPTED
<ul style="list-style-type: none"> • <i>Hotspot</i> • <i>Fear of Crime (FOC)</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Kesesuaian elemen • Keperincian kos • <i>Functionality</i> • Program sosial • Program keselamatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Prestasi penyediaan • Kerjasama 	

Sumber: Skor Pemarkahan

- ii. Semakan Audit mendapati tiga kawasan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian melibatkan Bandar Merlimau (MP Jasin), Lembah Subang 2 (MB Petaling Jaya) dan Tanjung Rambutan (MB Ipoh) mempunyai kadar FOC yang rendah iaitu antara 0% hingga 39%.
- iii. Selain itu bagi kes yang lain pula, hasil kajian FOC bagi enam kawasan yang diluluskan untuk dibuat pemutihan melibatkan tiga PBT iaitu MB Ipoh, MP Tawau dan DB Kota Kinabalu tidak dibentangkan kepada Jawatankuasa Penilaian. Bagaimanapun, skor maksimum FOC iaitu tiga (analisis lengkap) telah diberikan kepada empat kawasan iaitu Tanjung Rambutan (2022); Sektor 12 (2018); Persiaran Sabindo (2019); dan Kampung Warisan (2020) walaupun dokumen dan analisis lengkap tidak dikemukakan semasa mesyuarat. Hal ini menggambarkan proses pemilihan yang tidak telus kerana justifikasi yang lengkap tidak disediakan semasa pembentangan. Bagi kriteria lain, skor pemarkahan antara satu hingga tiga diberikan pada setiap kawasan tersebut.

Maklum balas PLANMalaysia yang diterima pada 22 Mei 2023

Analisis FOC menjadi maklumat sokongan asas pemilihan PBS. Pemilihan PBT mengambil kira kadar indeks jenayah yang tinggi dan memerlukan tindakan segera; justifikasi cadangan; pembentangan PBT semasa mesyuarat; dan keputusan muktamad Jawatankuasa. Selain itu skor 3 diberikan kepada PBT berdasarkan laporan FOC yang dihantar selepas mesyuarat.

b. Nilai Ambang Jenayah Indeks yang Tinggi Tidak Ditetapkan

Berdasarkan proses kerja semasa, inisiatif pemutihan kawasan *blackspot* ditawarkan kepada PBT yang mempunyai kadar jenayah indeks yang tinggi. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati nilai ambang tidak ditetapkan sebagai rujukan dalam penentuan kadar jenayah indeks yang tinggi. Ketiadaan batas ini mengakibatkan risiko tawaran dibuat kepada PBT yang sama dan PBS tidak disebar luas kepada PBT yang lain walaupun mempunyai kadar jenayah indeks yang lebih tinggi. Huraian lanjut adalah seperti berikut:

- i. Secara keseluruhan sebanyak 45 PBT (29%) daripada 155 PBT di Malaysia menyertai PBS bagi tempoh 2018 hingga 2022 dengan **sembilan daripadanya (20%) diberi kelulusan sekurang-kurangnya tiga kali** seperti dalam **Jadual 14**. Bagaimanapun, kawasan yang diputihkan berbeza setiap tahun merangkumi elemen projek fizikal PBS antaranya pencahayaan, laluan pejalan kaki, rel penghadang dan papan tanda keselamatan. Jumlah kelulusan peruntukan tertinggi adalah kepada MB Johor Bahru sebanyak RM2.40 juta.

JADUAL 14
PBT DIBERI KELULUSAN SEKURANG-KURANGNYA
TIGA KALI DALAM TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2022

BTL.	PBT	TAHUN KELULUSAN (RM Juta)				JUMLAH (RM Juta)
		2018	2019	2020	2022	
1.	MB Johor Bahru	0.80	0.60	0.50	0.50	2.40
2.	MP Tawau	0.70	0.55	0.70	0.40	2.35
3.	MB Seremban	0.70	0.50	0.70	0.40	2.30
4.	MB Kuantan	0.70	0.30	0.70	0.44	2.14
5.	MP Ampang Jaya	0.50	0.60	0.50	0.50	2.10
6.	DB Kuching Utara	0.80	0.50	0.25	0.40	1.95
7.	MB Seberang Perai	-	0.50	0.70	0.50	1.70
8.	MB Shah Alam	0.67	0.30	0.50	-	1.47
9.	MB Petaling Jaya	-	0.50	0.45	0.50	1.45

Sumber: PLANMalaysia

- ii. Berdasarkan analisis, kategori MP yang ditawarkan PBS mempunyai kadar Jenayah Indeks antara 771 hingga 10,805 kes. Bagaimanapun, empat PBT kategori MP tidak dipelawa menyertai PBS walaupun mempunyai kadar Jenayah Indeks melebihi 2,000 kes dan berada dalam julat tersebut.

- iii. Bagi kategori MD pula, PBS telah ditawarkan kepada PBT yang mempunyai Kadar Jenayah Indeks antara 783 hingga 1,669 kes. Bagaimanapun, 13 PBT kategori MD yang mempunyai Kadar Jenayah Indeks antara 806 hingga 1,510 kes tidak dipelawa menyertai PBS. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 16**.

RAJAH 16
KADAR JENAYAH INDEKS PBT YANG TIDAK DITAWARKAN PBS

 MAJLIS PERBANDARAN (MP)	MP Sepang	MP Kuala Selangor	MP Kulai
	2,857 kes	2,254 kes	2,171 kes
	<hr/>		
 MAJLIS DAERAH (MD)	MD Kota Tinggi	MD Pasir Puteh	MD Ketereh
	1,125 kes	1,510 kes	1,121 kes
	MD Pasir Mas	MD Penampang	MD Baling
	1,039 kes	1,037 kes	1,028 kes
	MD Papar	MD Lahad Datu	MD Jempol
	923 kes	919 kes	890 kes
		MD Pendang	
	806 kes		

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

Maklum balas PLANMalaysia yang diterima pada 26 Mei 2023

Urus setia PBS telah menambah baik proses pemilihan awal PBT pada tahun 2023 agar lebih komprehensif antaranya melalui *sieving mapping analysis techniques* menggunakan kaedah GIS berdasarkan indeks jenayah. Carta alir draf SOP akan ditambah baik dengan meminda masuk proses pemilihan sebelum penawaran dibuat.

Pendapat Audit | **Ketiadaan penetapan nilai ambang jenayah indeks semasa peringkat tawaran menyebabkan peruntukan tidak diagihkan sama rata terutamanya kepada PBT yang mempunyai kadar jenayah indeks yang lebih tinggi.**

5.2.3. Pengurusan Projek Fizikal

- a. Pelaksanaan kerja oleh kontraktor adalah berdasarkan kepada skop kerja/spesifikasi yang ditetapkan oleh PBT dalam BQ dan CPTED yang dikeluarkan oleh PLANMalaysia.

- b. Semakan dan pemeriksaan fizikal Audit terhadap 11 PBT di lima negeri mendapati perkara seperti berikut:

5.2.3.1. Koordinasi Antara PLANMalaysia dan PBT Dalam Pelaksanaan Projek Fizikal Mengikut CPTED

Elemen projek fizikal berjumlah RM0.86 juta oleh enam PBT seperti dalam **Jadual 15** tidak mengikut CPTED. Ketidapatuhan ini mengakibatkan wujud jarak yang tidak selamat untuk pejalan kaki dan risiko kepada golongan OKU. Hal ini boleh menjejaskan usaha mengurangkan kadar jenayah.

JADUAL 15
KERJA YANG DILAKSANA TIDAK MENGIKUT CPTED

BIL.	ELEMEN	KRITERIA CPTED	PBT YANG TIDAK PATUH
1.	Rel Penghadang	Panjang panel rel: 6m - 9m Jarak bukaan: 0.9m	Tahun 2019: MB Shah Alam - Panjang panel rel 32.5m (Gambar 12), Jarak bukaan 1.3m; MB Petaling Jaya - Panjang panel rel 10m-48m, Jarak bukaan 0.1m Tahun 2020: MP Jasin - Panjang panel rel 1.8m, Jarak bukaan 0.7m
		Anjakan dengan kerb: 0.3m (1")	Tahun 2018: MP Hang Tuah Jaya - 0.01m (Gambar 13); MB Shah Alam - 0.02m Tahun 2019: MB Shah Alam - 0.02m Tahun 2020: MP Hang Tuah Jaya - 0.01m; MP Jasin - 0.02m; MB Shah Alam - 0.02m
2.	Laluan Pejalan Kaki	Kelebaran: melebihi 2m	Tahun 2018: MP Klang - 1.52m Tahun 2019: MP Klang - 1.58m Tahun 2020: MP Jasin - 1.73m; MP Klang - 1.5m
		Dilengkapi <i>guiding blocks/tactile blocks</i> untuk kemudahan OKU	Tahun 2018: MB Shah Alam - tidak dipasang Tahun 2019: MP Klang & MB Shah Alam - tidak dipasang Tahun 2020: MP Jasin & MB Pasir Gudang - tidak dipasang (Gambar 14)
		Lapisan <i>concrete imprint</i>	Tahun 2020: MP Jasin - tidak dipasang (Gambar 15)
3.	<i>Bollard</i>	Jarak pemasangan: 0.9m -1.2m	Tahun 2018: MP Hang Tuah Jaya - 0.5m Tahun 2020: MP Hang Tuah Jaya & MP Jasin - 0.5m

Sumber: BQ dan Pemeriksaan Fizikal Audit

GAMBAR 12



Laluan Pejalan Kaki di Seksyen U3, Shah Alam
- Panjang Rel Penghadang Tidak Mematuhi
Reka Bentuk Bandar Selamat
(10.11.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 13



Laluan Pejalan Kaki di Taman Merdeka
- Jarak dari Rel Penghadang dari Kerb Jalan
(26.10.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14



Laluan Pejalan Kaki di Jalan Tembikai Utama
- Laluan Pejalan Kaki Tidak Dilengkapi *Guiding
Blocks/Tactile Blocks* Untuk Kemudahan OKU
(02.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 15



Laluan Pejalan Kaki di Bandar Merlimau
- Laluan Pejalan Kaki Tidak Dilengkapi
Dengan *Concrete Imprint*
(25.10.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas PLANMalaysia yang diterima pada 26 Mei 2023

CPTED akan dikaji semula dan ditambahbaik dengan menetapkan jarak minimum dan disesuaikan dengan keadaan ruang jalan sedia ada yang terhad bagi pelaksanaan rel penghadang dan laluan pejalan kaki di bawah PBS. Ia dijangka siap akhir tahun 2023.

5.2.3.2. Pembayaran Penuh bagi Bekalan yang Tidak Diterima

- a. Mengikut AP99 (e) (ii) Perakuan Kesempurnaan Bekalan, Perkhidmatan atau Kerja, sesuatu bayaran kemajuan bagi kerja hendaklah diperakukan mengikut nilai kerja setakat mana yang telah dilaksanakan atau nilai bahan-bahan yang sebenarnya telah dibekalkan. Baucar bayaran bagi bekalan untuk kerja tersebut hendaklah disokong dengan suatu perakuan bahawa bekalan itu telah diterima dan sama ada dipertanggungjawabkan dalam rekod stor sepatutnya atau dikeluarkan bagi kegunaan segera dengan sepenuhnya.
- b. Di MB Ipoh, pengesahan terhadap projek tahun 2018 dan 2019 mendapati pemasangan *bollard*, *anti climbing fencing* dan *decorative* Bandar Selamat

railing berjumlah RM32,209 seperti dalam **Jadual 16** tidak dipasang dengan mencukupi berdasarkan BQ. Bagaimanapun, pembayaran tanpa pemotongan kepada kontraktor yang dilantik telah dibuat. Perakuan siap kerja tahun 2018 ditandatangani pada 28 Januari 2019 oleh Penolong Pegawai Seni Bina dan Penolong Jurutera ketika itu. Perakuan siap kerja tahun 2019 pula ditandatangani pada 4 April 2020 oleh Penolong Jurutera dan Ketua Penolong Pengarah Kejuruteraan (Lalulintas) pada ketika itu.

JADUAL 16
PEMBAYARAN PENUH BAGI BEKALAN YANG TIDAK DITERIMA

LOKASI	SKOP KERJA	BILANGAN YANG TIDAK DIPASANG (Unit)	JUMLAH (RM)
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab (2018)	<i>Bollard</i>	82	20,254
Jalan Ng Weng Hup, Taman Pertama (2019)	<i>Anti climbing fencing</i>	39	8,385
	<i>Decorative Bandar Selamat railing</i>	14	3,570
JUMLAH			32,209

Sumber: Baucar Bayaran, MB Ipoh

5.2.3.3. Pelarasan Harga Tidak Dilakukan

- a. AP 202.1 (a) menyatakan Arahan Perubahan Kerja (APK) adalah sesuatu perubahan kepada kontrak kerja iaitu sebarang penyimpangan daripada perjanjian kontrak berkaitan pelan, spesifikasi dan/atau senarai kuantiti sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan. Kelulusan APK hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa/Jawatankuasa APK bagi sesuatu permohonan perubahan kerja (AP202.2).
- b. Pelarasan harga tidak dibuat oleh MP Jasin bagi pemasangan 10 unit lampu LED 120W dan MP Hang Tuah Jaya bagi pemasangan tiga unit *bollard* 150mm seperti dalam **Jadual 17**. Pemasangan sebenar di lokasi adalah 10 unit LED 60W dan tiga unit *bollard* 100mm. **Kelemahan ini mengakibatkan pembayaran berjumlah RM15,900 adalah tidak teratur.**

JADUAL 17
SKOP KERJA DALAM BQ BERBANDING PELAKSANAAN SEBENAR

PBT/LOKASI	SKOP KERJA		BILANGAN (Unit)	JUMLAH (RM)
	BQ	SEBENAR		
MP Jasin (2020)/ Bandar Merlimau	Lampu LED 120 watt	Lampu LED 60 watt	10	13,500
MP Hang Tuah Jaya (2020)/Jalan Istana	<i>Stainless steel bollard</i> 150 mm	<i>Stainless steel bollard</i> 110 mm	3	2,400
JUMLAH			13	15,900

Sumber: Baucar Bayaran

Maklum balas MP Jasin yang diterima pada 26 Mei 2023

Pelarasan 120 watt kepada 60 watt terpaksa dibuat semasa projek dalam pelaksanaan memandangkan pada waktu itu telah berlaku kenaikan harga barang serta kesukaran mendapatkan barang semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Maklum balas MP Hang Tuah Jaya yang diterima pada 31 Mei 2023

Pihak Majlis akan melakukan penambahbaikan dengan mengarahkan pihak kontraktor melakukan pemasangan *bollard* mengikut spesifikasi *Bill of Quantity* yang ditetapkan iaitu 150mm.

5.2.3.4. Kelemahan Perancangan dan Koordinasi Pemasangan Lampu

a. Aset Program dilupuskan

- i. Cadangan kerja-kerja menaik taraf lampu, merentang kabel dan pembaikan berkaitan di kawasan Taman Sri Muda Seksyen 25 Shah Alam bagi projek *blacksport* tahun 2018 menetapkan kerja-kerja membekal, memasang lanterna lampu jalan jenis *Light Emitting Diode* (LED) sebanyak 49 nos.
- ii. Selain itu, tawaran kepada syarikat konsesi oleh MB Shah Alam pada 24 Mei 2019 dengan nilai kontrak berjumlah RM58.51 juta menghendaki penukaran dan pemasangan lampu jalan sedia ada sebanyak 11,660 unit termasuk di Seksyen 25 iaitu kawasan pelaksanaan PBS. Jenis lampu adalah *High Pressure Sodium Vapour* kepada LED dalam tempoh 12 bulan atau satu tahun dari surat pelantikan dikeluarkan.
- iii. Semakan Audit mendapati bagi projek PBS tahun 2018, sebanyak 49 unit lampu (70W-90W LED berjenama SAG) bernilai RM122,500 telah dipasang di Seksyen 25 pada 27 September 2018. Namun, lampu tersebut yang masih berkeadaan baik dan dalam tempoh waranti selama lima tahun telah dicabut oleh pihak konsesi pada 12 Februari 2019. Lampu tersebut digantikan dengan lampu jenama Q-ray seperti dalam **Gambar 16** bagi memenuhi syarat perjanjian konsesi penyenggaraan.



GAMBAR 16

Seksyen 25, Shah Alam
- Lanterna Lampu Jenama Q-ray yang
Dipasang oleh Syarikat Konsesi
(10.11.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iv. Tindakan ini merupakan suatu **pembaziran kerana lampu tersebut ditanggalkan selepas 138 hari dipasang**. Pengesahan Audit selanjutnya pada 6 Mac 2023 mendapati lampu yang ditanggalkan telah dilupuskan dengan harga RM6 oleh syarikat konsesi. Hasil jualan lampu tersebut perlu diagihkan pada kadar 50:50 antara syarikat konsesi dan MB Shah Alam. Oleh itu, hasil jualan sebanyak RM3 per unit telah diserahkan kepada MB Shah Alam pada 30 Disember 2020 dan 17 Februari 2023.
- v. Berdasarkan perkiraan Audit, nilai semasa harga jualan mengambil kira susut nilai tahunan sebanyak RM250 pada tarikh pelupusan dibuat adalah dianggarkan berjumlah RM2,000 seunit pada tahun 2020 dan RM1,250 seunit pada tahun 2023 seperti dalam **Jadual 18**. Bagaimanapun nilai yang dilupuskan adalah lebih rendah daripada sepatutnya dan mengakibatkan **kerugian kepada Kerajaan berjumlah RM79,706**.

JADUAL 18
SUSUT NILAI LAMPU BERDASARKAN PERKIRAAN AUDIT

NILAI PEROLEHAN SEUNIT LAMPU TAHUN 2018 (RM)	NILAI PELUPUSAN LAMPU PADA TAHUN 2020 DAN 2022	KADAR SUSUT NILAI BERDASARKAN PENYATA KEWANGAN	KADAR SUSUT NILAI TAHUNAN (RM)	NILAI SEMASA LAMPU (RM)	ANGGARAN KERUGIAN (RM)
2,500	6.00	10%	250	2020 : 2,000 2023 : 1,250	2020: (2,000 - 6) X 25 unit = 49,850 2023: (1,250 - 6) X 24 unit = 29,856
JUMLAH ANGGARAN KERUGIAN					79,706

Sumber: Perkiraan Jabatan Audit Negara Berdasarkan Kadar Susut Nilai yang Dinyatakan dalam Penyata Kewangan

Maklum balas MB Shah Alam semasa Mesyuarat Penutup pada 2 Jun 2023


MB Shah Alam ada mengeluarkan surat pada 12 Februari 2019 supaya lampu yang ditanggalkan disimpan dengan teratur dalam stor milik syarikat.

b. Pertindihan Pemasangan Lampu di Lokasi yang Sama

- i. Di MP Hang Tuah Jaya, semakan Audit terhadap projek tahun 2018 di Jalan M8, Taman Merdeka mendapati empat unit tiang lampu *galvanized* berkuasa 120 watt dipasang bersebelahan tiang lampu TNB seperti dalam **Gambar 17** dan **Gambar 18**. Sebaliknya dalam masa yang sama, keadaan Jalan M2 (bersebelahan Jalan M8 seperti dalam **Gambar 19**) didapati agak gelap seperti dalam **Gambar 20** dan terdedah kepada risiko berlakunya aktiviti jenayah. Keperluan pencahayaan di kawasan ini didapati lebih utama berbanding pertindihan pemasangan lampu yang

berlaku di Jalan M8. Pertindihan pemasangan lampu ini boleh mengundang kepada pembaziran bayaran bil elektrik.

GAMBAR 17



GAMBAR 18



Taman Merdeka, Melaka
 - Tiang Lampu MP Hang Tuah Jaya Dipasang Bersebelahan Dengan Lampu TNB di Jalan M8
 (26.10.2022)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 19



GAMBAR 20



Taman Merdeka, Melaka
 - Lokasi Jalan M2 dan Keadaan Jalan M2 yang Gelap Tanpa Sebarang Pencahayaan
 (26.10.2022)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara dan Google Map)

- ii. Di MB Ipoh, pengesahan terhadap projek tahun 2022 di Pekan Tanjung Rambutan mendapati satu tiang lampu bernilai RM1,250 dipasang bersebelahan lampu sedia ada milik TNB seperti dalam **Gambar 21**. Pemeriksaan Audit pada 27 Januari 2023 mendapati kerja pemasangan kabel dan tapak lampu telah selesai dilaksanakan pada ketika itu.



GAMBAR 21

Pekan Tanjung Rambutan, Ipoh
 - Tapak dan Kabel Lampu yang Siap Dibina Bersebelahan Lampu Sedia Ada
 (27.01.2023)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas MP Hang Tuah Jaya yang diterima pada 31 Mei 2023

Hasil perbincangan bersama jabatan teknikal yang terlibat, pihak Majlis akan menanggalkan empat unit lampu TNB di Jalan M8. Pihak Majlis akan melakukan penambahbaikan dan penyelenggaraan tiang lampu di Jalan M2, agar laluan tersebut berada dalam keadaan terang dan selamat.


Maklum balas MB Ipoh yang diterima pada 11 Mei 2023

Lampu sedia ada milik TNB yang dipasang pada kedudukan yang rendah akan dibuka selepas lampu Majlis beroperasi kelak.

5.2.3.6. Pengurusan Penyelenggaraan

1PP AM 2.5 (Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan: Penyelenggaraan) menghendaki supaya penyelenggaraan dilakukan bertujuan seperti dalam **Rajah 17**. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati projek fizikal yang dilaksanakan rosak, tiada di lokasi, terdapat halangan dan lain-lain. Perkara ini berlaku disebabkan oleh penyelenggaraan tidak dibuat sewajarnya. Ini kerana tanggungjawab untuk menyelenggara aset PBS tidak dinyatakan secara jelas dalam garis panduan sedia ada yang dikeluarkan oleh PLANMalaysia. Kelemahan ini boleh mengurangkan keberkesanan elemen pencegahan jenayah yang dilaksanakan dalam mengurangkan kadar jenayah secara optimum. Ringkasan penemuan adalah seperti dalam **Jadual 19** dan **Gambar 22** hingga **Gambar 28**.

RAJAH 17
TUJUAN PENYELenggaraan DILAKSANAKAN



Sumber: 1PP AM 2.5

JADUAL 19
RINGKASAN PENEMUAN BERKAITAN PENYELenggaraan ELEMEN PROGRAM

BIL.	ELEMEN	ISU	TAHUN	PBT
1.	Pencapaian	Rosak	2018	MB Pasir Gudang (9 unit); MB Ipoh (6 unit); dan MB Johor Bahru (2 unit)
			2019	MP Klang (seunit) dan MB Petaling Jaya (seunit)

BIL.	ELEMEN	ISU	TAHUN	PBT
		Mempunyai Halangan	2020	MB Pasir Gudang (11 unit); MB Petaling Jaya (4 unit); MP Hang Tuah Jaya (3 unit) dan MB Johor Bahru (6 unit)
			2019	MP Klang (seunit) (Gambar 22)
			2020	MB Petaling Jaya (4 unit); dan MP Klang (seunit)
2.	Rel Penghadang/Pagar Keselamatan	Rosak	2019 & 2020	MP Klang
		Tiada di Lokasi	2018	MB Johor Bahru (25 unit) (Gambar 23); dan MB Pasir Gudang (17 unit)
			2019	MP Tawau (13 unit); MB Petaling Jaya (7 unit) dan DB Kota Kinabalu (2 unit)
			2020	DB Kota Kinabalu (2 unit); MB Petaling Jaya (2 unit)
3.	Laluan Pejalan Kaki	Dipenuhi Semak dan Tumbuhan Liar	2018	MB Johor Bahru
			2019	MB Ipoh
			2020	MP Klang
		Dihalang Pokok	2018 & 2019	MB Shah Alam
4.	<i>Bollard</i>	Rosak	2018	MB Ipoh (3 unit) (Gambar 24)
		Tiada di Lokasi	2018	MP Hang Tuah Jaya (4 unit)
5.	Papan Tanda Keselamatan	Rosak	2019	MP Klang (seunit) (Gambar 25)
		Mempunyai Halangan	2018	MP Klang (seunit) (Gambar 26)
		Tiada di Lokasi	2018	MP Hang Tuah Jaya (seunit); dan MP Klang (seunit)
			2019	MB Petaling Jaya (seunit); dan MP Tawau (seunit)
6.	Cermin Keselamatan	Rosak	2020	MP Klang (seunit); MB Pasir Gudang (seunit) (Gambar 27); dan MP Tawau (seunit)
		Tiada di Lokasi	2018	MP Hang Tuah Jaya (2 unit) (Gambar 28)
7.	Redaan Trafik	Tiada di Lokasi	2019	MB Ipoh (2 unit)
		<i>Road Hump</i> Tidak Dicat <i>Road Line Marking</i>	2020	DB Kota Kinabalu (seunit)
		Papan Tanda Tiada di Lokasi	2019	DB Kota Kinabalu (3 unit)

Sumber: Dokumen *Bill of Quantity* dan Pemeriksaan Fizikal

GAMBAR 22



Taman Sentosa, Klang
- Keadaan Lampu Jenis *Sea-saw* yang Tidak Dapat Diturunkan Akibat Halangan Pagar Gelanggang (19.10.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 23



Taman Desa Cemerlang
- Rel Penghadang Tiada di Lokasi (27.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 24



Pesisir Sungai Kinta
- *Bollard* yang Rosak dan Tiada di Lokasi Menyebabkan Laluan Pejalan Kaki Digunakan oleh Penunggang Motosikal (26.01.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 25



Jalan Gambus 6, Taman Desawan
- Keadaan Papan Tanda Keselamatan yang Rosak (19.10.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 26



Lorong Damar Merah 5A, Taman Pandamar Indah 2
- Keadaan Papan Tanda Keselamatan yang Terlindung oleh Pokok (19.10.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 27



Jalan 99, Taman Air Biru
- Keadaan Cermin Keselamatan yang Rosak (02.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 28

Taman Merdeka, Batu Berendam
- Keadaan Cermin Keselamatan Tiada di Lokasi (26.10.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas PBT yang diterima pada 7 Mac hingga 26 Mei 2023

PBT telah dan sedang mengambil tindakan terhadap isu yang dibangkitkan. Bagi laluan pejalan kaki yang dipenuhi semak dan tumbuhan liar serta dihalang pokok, tindakan sewajarnya telah diambil setelah teguran Audit.

Pendapat Audit | **Aset PBS yang tidak disenggara dengan baik menjejaskan pencapaian objektif program.**

5.2.4. Pengurusan CCTV

5.2.4.1. CCTV Tidak Berfungsi


- a. Klausula 4.5 Perkhidmatan Sewaan CCTV Fasa 1 (Sambungan) menetapkan kontraktor hendaklah pada bila-bila masa dalam tempoh sewaan memastikan *Malaysia Integrated and Public Safety System (MIPSS)* berfungsi. Kontraktor mestilah membaiki apa-apa kecacatan atau menggantikan dalam tempoh seperti yang dinyatakan dalam klausula 14.5.2 apabila kerosakan dilaporkan oleh PBT atau polis.
- b. Pemasangan CCTV bertujuan membantu PDRM dalam mengurangkan kadar jenayah jalanan yang tinggi. Bagaimanapun pemeriksaan fizikal Audit di empat PBT (MP Klang, MP Hang Tuah Jaya, MB Shah Alam dan MB Petaling Jaya) mendapati lapan daripada 69 CCTV yang dipasang di bawah kontrak Fasa 1 (Sambungan) tidak berfungsi antara bulan September hingga November 2022 seperti dalam **Gambar 29** hingga **Gambar 31**. CCTV yang sepatutnya berfungsi sebagai alat pemantauan dan pengawalan didapati gagal memaparkan imej pada *monitoring unit*.
- c. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati masalah ini berpunca daripada tiada tindakan proaktif di pihak kontraktor untuk menyelesaikan pemasangan meter TNB pada peringkat awal, membaiki bekalan kuasa pada *encoder* yang rosak dan menyenggara *base station* yang terhalang pokok. Kelemahan PBT memastikan kontraktor melaksanakan tanggungjawab selaras dengan kehendak kontrak telah menyebabkan CCTV tidak berfungsi secara optimum.

GAMBAR 29



Lokasi: Bilik Kawalan MP Klang
- Satu CCTV Tidak Berfungsi Disebabkan Masalah CODEC pada Tiang CCTV
(20.10.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 30



Lokasi: Bilik Kawalan MP Hang Tuah Jaya
- Empat CCTV Tidak Berfungsi Disebabkan oleh Masalah Converter dan Halangan
(27.10.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 31

Lokasi: Bilik Kawalan MB Shah Alam
- Paparan yang Menunjukkan Dua CCTV Tidak Berfungsi
(09.11.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- d. Klausula 14.3.1 menetapkan kontraktor hendaklah melaksanakan penyenggaraan pencegahan dan responsif serta hendaklah menyediakan *back-up system*. Selain itu Klausula 14.3.3 pula menetapkan penyenggaraan responsif terdiri daripada tindak balas terhadap log harian kerosakan yang dilaporkan mengenai pelbagai komponen MIPSS. Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk memenuhi keperluan masa minimum (dalam masa 24 jam) untuk sampai ke tapak dan memulakan pembaikan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 14.5.2. Masa responsif hendaklah kurang daripada 24 jam.
- e. Analisis lanjut Audit terhadap kekerapan kerosakan bagi 468 (99.2%) daripada 472 unit CCTV di bawah kontrak Fasa 1 (Sambungan) mendapati **kekerapan kerosakan bagi satu CCTV adalah antara satu hingga 547 hari** seperti dalam **Jadual 20**. Kerosakan tertinggi selama 547 hari adalah melibatkan satu CCTV di MB Ipoh. Berhubung kerosakan ini juga, berdasarkan soal selidik yang diedarkan kepada 12 pegawai yang bertanggungjawab mengendalikan CCTV di PBT dan IPK/ Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) sebanyak 41.7% responden bersetuju CCTV tidak berfungsi dengan baik dan 58.3% responden bersetuju CCTV rosak sebanyak tiga kali dalam tempoh sebulan.

JADUAL 20
KEKERAPAN KEROSAKAN CCTV

BIL.	TEMPOH KEROSAKAN (Hari)	BILANGAN CCTV	BILANGAN PBT TERLIBAT
1.	1 hingga 100	380	25
2.	101 hingga 200	71	18
3.	201 hingga 300	11	6
4.	301 hingga 400	2	1
5.	401 hingga 500	3	3
6.	> 501	1	1

Sumber: Laporan Prestasi CCTV

- f. Selain daripada kefungsiannya kamera CCTV tersebut, syarat kontrak juga menetapkan kefungsiannya *horn speaker* untuk kes kecemasan, pengumuman bencana dan pengumuman umum. *Horn speaker* tersebut hendaklah boleh didengar dalam radius tidak kurang daripada 50 meter. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati **tujuh *horn speaker* yang disemak tidak berfungsi** melibatkan MB Shah Alam dan MB Petaling Jaya.

Maklum balas JKT yang diterima pada 16 Mei 2023

Kerosakan terjadi disebabkan sistem MIPSS merupakan peralatan/perkakasan yang menggunakan teknologi yang lama sejak tahun 2010. Untuk memastikan kerosakan terhadap sistem MIPSS yang minimum, kontraktor memerlukan alat ganti peralatan/perkakasan yang perlu ditempah khas di luar negara memandangkan alat ganti tersebut sukar diperolehi dalam pasaran negara. Bagaimanapun, pihak kontraktor akan memastikan alat ganti bagi peralatan/perkakasan dapat dibaiki dalam tempoh 24 jam dengan menggunakan alat ganti yang bersesuaian atau setara dengan yang asal.

5.2.4.2. Ketiadaan Kakitangan Khas di Bilik Kawalan CCTV

Garis Panduan Pemasangan CCTV di Premis Perniagaan dan Tempat Awam (Reka Bentuk Bandar Selamat) menyatakan penggunaan CCTV dapat dioptimumkan melalui pengurusan yang cekap dan pemantauan yang berterusan untuk meningkatkan tahap keselamatan. Pemeriksaan fizikal Audit di MP Hang Tuah Jaya mendapati pegawai yang bertanggungjawab menyelia Bilik Kawalan CCTV di PBT merupakan pegawai dari Jabatan Penguatkuasaan dan turut terlibat dalam operasi penguatkuasaan. Hal ini menyebabkan pemantauan di Bilik Kawalan CCTV tidak dapat dibuat secara sepenuh masa dan kerosakan tidak dilaporkan secara *real time* serta boleh menjejaskan penggunaan CCTV secara optimum.

Bagaimanapun, kontrak CCTV tidak menyatakan pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan Bilik Kawalan CCTV sepanjang tempoh kontrak.

Maklum balas JKT yang diterima pada 29 Mei 2023

Jabatan tidak berperanan dalam menentukan penempatan pegawai PBT/PDRM bagi mengoperasikan sistem CCTV di setiap bilik kawalan.

5.2.4.3. Ruang di Bilik Kawalan CCTV Terhad Disebabkan Peralatan CCTV yang Tamat Tempoh Sewaan Tidak Dikeluarkan oleh Kontaktor


- a. Klausula 9.1 (l) Perkhidmatan Sewaan CCTV Fasa 2 dan Fasa 1 (Sambungan) menetapkan dalam tempoh tiga bulan selepas kontrak sewaan tamat, kontraktor hendaklah mengeluarkan semua peralatan CCTV dengan kosnya sendiri serta memperbaiki semua kecacatan dan memulihkan baru kepada keadaan asalnya, selepas mengalihkan semua peralatan.
- b. Klausula 7.4 pula menetapkan Kerajaan mempunyai hak untuk merampas sebahagian atau keseluruhan bon pelaksanaan sekiranya kontraktor gagal melaksanakan dan memenuhi tanggungjawab perjanjian sewaan tersebut dan kegagalan tersebut tidak diremedi kontraktor selaras dengan syarat perjanjian.
- c. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati peralatan CCTV Fasa 2 dan Fasa 1 (Sambungan) seperti dalam **Gambar 32** hingga **Gambar 35** masih berada di dalam Bilik Kawalan walaupun kontrak telah tamat pada 30 Jun 2021 dan 30 November 2022 seperti dalam **Jadual 21**. Surat arahan telah dikeluarkan kepada kontraktor. Khusus bagi MB Johor Baharu, kontraktor menawarkan pemilikan kekal semua peralatan dan perkakasan di Bilik Kawalan serta tiang CCTV sedia ada secara percuma melalui surat bertarikh 26 Januari 2023.
- d. Penyimpanan aset kontraktor yang telah tamat kontrak menyebabkan ruang di Bilik Kawalan CCTV PBT tidak dapat digunakan untuk tujuan yang lain. Aset di tapak pula terdedah kepada kecurian. Selain itu, kesan utama yang akan dihadapi oleh PBT adalah terpaksa memikul bebanan kos untuk menanggalkan kesemua aset CCTV sekiranya kontraktor tidak melaksanakan tanggungjawabnya mengikut terma kontrak.

**JADUAL 21
PERALATAN CCTV MASIH BERADA DI
BILIK KAWALAN WALAUPUN KONTRAK SEWAAN TELAH TAMAT**

FASA	TARIKH KONTRAK TAMAT	KONTRAKTOR	PBT	PERALATAN CCTV
Fasa 2	30.06.2021	533440-X	<ul style="list-style-type: none"> • MP Hang Tuah Jaya • MB Johor Bahru • MB Pasir Gudang • MP Tawau • DB Kota Kinabalu 	<ul style="list-style-type: none"> • Network System (Ethernet Switch) • Recording Server (Network Video Recorder) • Monitoring Units • Administration Server
Fasa 1 (Sambungan)	30.11.2022	559823-P	<ul style="list-style-type: none"> • MP Hang Tuah Jaya • MB Johor Bahru 	<ul style="list-style-type: none"> • Biometric System • Furniture & Fitting • Air Conditioning

Sumber: Pemeriksaan Fizikal Audit

GAMBAR 32



Lokasi: Bilik Kawalan
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
- Peralatan CCTV Fasa 2 yang Telah Tamat
Kontrak pada 30.06.2021
(27.10.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 33



Lokasi: Bilik Kawalan MP Tawau
- Peralatan CCTV Fasa 2 yang Telah Tamat
Kontrak pada 30.06.2021
(14.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 34



Lokasi: Bilik Kawalan DB Kota Kinabalu
- Peralatan CCTV Fasa 2 yang Telah Tamat
Kontrak pada 30.06.2021
(17.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 35



Lokasi: Persimpangan Petronas
Taman Kerjasama, Bukit Beruang
(Taman Bukit Beruang Bestari)
- Aset Kontrak Sewaan Fasa 2 Masih Belum
Ditanggalkan di Lokasi
(27.10.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas JKT yang diterima pada 16 Mei 2023

Tarikh akhir pihak kontraktor untuk melaksanakan kerja penanggalan sistem MIPSS bagi Fasa 1 (Sambungan) adalah pada 3 Julai 2023. Keseluruhan

peralatan/perkakasan sistem MIPSS akan dikeluarkan oleh kontraktor dan pengesahan siap kerja akan dimaklumkan oleh PBT terlibat.

5.2.4.4. Pembayaran bagi Perkhidmatan yang Tidak Diterima

- a. Lampiran E (Spesifikasi Peralatan) kontrak perjanjian menyatakan Perakam Video Rangkaian hendaklah merakam video dan audio daripada pemancar ke dalam cakera keras (hard disk). Rakaman tersebut perlu disimpan selama 45 hari.
- b. Klausula 18 kontrak perjanjian menetapkan kontraktor perlu memastikan tiada sebarang gangguan paparan melebihi 24 jam. Sekiranya kontraktor gagal melaksanakan kerja pembaikan mengikut tempoh ditetapkan, Kerajaan hendaklah mengenakan potongan berdasarkan formula yang dinyatakan dalam Klausula 18.0.2.
- c. Klausula 14.5.2 kontrak perjanjian menetapkan jika MIPSS gagal kerana insiden yang didakwa oleh kontraktor di luar kawalan kontraktor, kontraktor hendaklah membuat permohonan bertulis kepada Kerajaan supaya tidak dikenakan penalti. Kerajaan hendaklah membuat keputusan atas permintaan kontraktor dan sebarang keputusan Kerajaan adalah muktamad.
- d. Klausula 18.1.1 kontrak perjanjian pula menetapkan Kerajaan hendaklah mengeluarkan notis bertulis kepada kontraktor tentang kerosakan yang dinilai dan asas kepada setiap taksiran. Taksiran akan menjadi muktamad melainkan kontraktor dalam tempoh 10 hari dari tarikh notis memohon untuk mengadakan mesyuarat untuk mengemukakan bukti bahawa penilaian tidak sepatutnya dibuat. Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa hendaklah menjadualkan mesyuarat dengan kontraktor secepat mungkin dan menyemak bukti kontraktor serta membuat keputusan yang mengekalkan atau membalikkan potongan secepat mungkin selepas mesyuarat. Notis bertulis mengenai keputusan hendaklah diberikan kepada kontraktor. Keputusan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa adalah muktamad.
- e. Semakan Audit terhadap Laporan Bulanan Prestasi CCTV bulan April 2020 mendapati sebanyak 83 CCTV di 18 PBT mengalami gangguan paparan antara satu hingga 30 hari. Berdasarkan pengiraan Audit, potongan sebanyak **RM23,242.44 sepatutnya dikenakan kepada kontraktor.** Bagaimanapun, kontraktor ada mengemukakan permohonan pengecualian penolakan sewaan dalam tempoh PKP melalui surat bertarikh 5 Mei 2020.


- f. Namun begitu, semakan Audit mendapati **notis bertulis keputusan penilaian oleh Pegawai Penguasa tidak dikeluarkan** kepada kontraktor. Selain itu, **tiada bukti bahawa permohonan pengecualian ini ada dikemukakan** kepada Pegawai Penguasa untuk pertimbangan dan kelulusan.
- g. Bagi kes yang lain pula, pemeriksaan fizikal Audit di MP Hang Tuah Jaya dan MB Petaling Jaya mendapati CCTV seperti dalam **Jadual 22** tidak berfungsi seperti dalam **Gambar 36** dan **Gambar 37** disebabkan PBT tidak memastikan adanya bekalan elektrik disalurkan ke CCTV tersebut. Bagaimanapun, **pembayaran dibuat sepenuhnya kepada kontraktor kerana pegawai di PBT mengesahkan bahawa CCTV yang terlibat berfungsi dan mempunyai paparan, mengakibatkan potongan sewaan berjumlah RM2,703.48 tidak dikenakan terhadap kontraktor.**

**JADUAL 22
MAKLUMAT KEROSAKAN CCTV**

PERKARA	MP HANG TUAH JAYA	MB PETALING JAYA
Tarikh Lawatan	26.10.2022	23.11.2022
CCTV Rosak	K04 (C15)	CO1
Tarikh Mula Rosak	11. 09.2022	19.10.2022
Potongan Bayaran yang Tidak Dibuat (RM)	1,655.68	1,047.80


Sumber: Pemeriksaan Fizikal Audit

GAMBAR 36



Lokasi: Bilik Kawalan MP Hang Tuah Jaya
- Tiada Paparan di C15 (Taman Tasek Utama)
dan Tidak Dilaporkan dalam Laporan
Prestasi Bulanan
(26.10.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 37



Lokasi: Flora Damansara
- Tiada Imej Pada Monitoring Unit di CCTV
Flora Damansara
(23.11.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas JKT yang diterima pada 16, 29 Mei 2023 dan 6 Oktober 2023

PKP telah menghadkan pergerakan kakitangan kontraktor untuk melaksanakan kerja membaik pulih tersebut. Tiada surat kelulusan dikemukakan kepada kontraktor untuk

memaklumkan pengecualian pemotongan. Bagaimanapun, pemakluman secara emel bagi memaklumkan jumlah yang disokong untuk bayaran kepada kontraktor ada dikeluarkan pada 19 Mei 2020.

Pendapat Audit | **Penggunaan CCTV tidak dapat dioptimumkan dalam membantu PDRM mengurangkan jenayah di jalanan disebabkan kegagalan CCTV berfungsi akibat kerosakan dan ketiadaan bekalan elektrik.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa prestasi PBS dalam tempoh 2018 hingga 2022 berjaya mencapai sasaran bilangan PBT dan kawasan yang hendak diputihkan. Bagaimanapun, program yang dijalankan tidak dapat membantu mengurangkan jenayah di kawasan *blackspot* secara optimum. Bagi memastikan pengurangan kadar jenayah adalah pada tahap optimum, kelemahan dalam aspek pengurusan program perlu ditambah baik.

7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat ditambah baik dalam pelaksanaan program, adalah disyorkan kepada pihak yang terlibat untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

7.1. KPKT hendaklah memastikan elemen projek fizikal yang bersesuaian untuk dilaksanakan oleh PBT agar pelaksanaannya dapat dimanfaatkan oleh orang awam dengan sewajarnya dan mengelakkan kerugian atas perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan;

7.2. PDRM hendaklah memastikan penggunaan SPBS yang optimum selepas ia dinaik taraf agar selari dengan objektif pembangunan sistem bagi memastikan perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan adalah *value for money*;

7.3. KPKT hendaklah memastikan penggunaan CCTV yang berimej tinggi pada masa akan datang yang boleh diguna pakai oleh PDRM dan PBT untuk mengesan penjenayah dengan lebih berkesan; dan

7.4. KPKT hendaklah memberikan tumpuan dalam aspek penyenggaraan elemen projek fizikal yang dilaksanakan PBT dengan menyatakan kaedah penyenggaraan yang praktikal agar manfaat program boleh dinikmati dan dimanfaatkan dengan berpanjangan.